AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DARIPADA Abi Bakrah Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda : Tidak ada satu dosa yang lebih patut disegerakan hukuman bagi pelakunya (di dunia), di samping hukuman yang disimpan untuknya (di akhirat), daripada perbuatan melampaui batas dan memutuskan hubungan kekeluargaan." (Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.05 | ISYAK 7.15

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 126 | 19 OKTOBER 2022 / 1444 ربيع الأول 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Sentiasa berwaspada, patuhi SOP

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Isnin, 17 Oktober. - Walaupun terdapat peningkatan jumlah kes dalam masa satu minggu daripada 307 kes sehari pada minggu sebelumnya kepada 388 kes sehari, namun jumlah kes bagi kategori 4 dan 5 masih dalam tahap yang rendah.

"Dan hari ini, alhamdulillah tidak ada kes dicatatkan dalam Kategori 4 dan 5," Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengulas mengenai perkara itu ketika menjawab pertanyaan daripada pihak media pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Walau bagaimanapun, tegas Yang Berhormat, orang ramai adalah diingatkan dan disaran untuk sentiasa berwaspada berikutan dengan jumlah peningkatan kes ini dengan mengambil langkah-langkah serta mematuhi SOP-SOP yang sudah tersedia.

Begitu juga seperti kes ILI, Yang Berhormat mengingatkan jika ada terdapat simptom, seperti demam adalah diingatkan untuk tidak keluar rumah dan hendaklah mendapatkan rawatan dengan segera jika ia berlarutan atau berterusan.

Selain daripada itu, tambah Yang Berhormat lagi, kita juga sedia maklum mengenai tempoh vaksin yang ada pada setiap individu itu.

"Iaitu daripada enam bulan, imuniti itu akan menurun berdasarkan kombinasi jangkitan sebenar ataupun imuniti tersebut akan menurun apabila sudah melebihi tempoh enam bulan dari tarikh menerima dos vaksin yang terakhir untuk COVID-19," terang Yang Berhormat lagi.

BERANGKAT TINGGALKAN REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat meninggalkan Republik Rakyat Bangladesh selepas mengadakan Keberangkatan Negara selama dua hari. - Foto : Hamzah Mohidin (*Lihat muka 3*).

Tingkat ilmu, amalan berugama Islam para mualaf

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Selasa, 18 Oktober. - Para peserta yang telah berjaya menamatkan Program Muallaf Mantap dan Skim Bimbingan Muallaf disarankan untuk terus berusaha meningkatkan ilmu dan amalan berugama Islam secara yang difahami, diikuti dan diamalkan di negara ini.

Meningkatkan ilmu dan amalan berugama Islam secara yang difahami, diikuti dan diamalkan di negara ini termasuklah sentiasa memelihara keharmonian hidup berkeluarga, berjiran tetangga sesama dengan yang berlainan pegangan atau anutan agama.

Dengan cara berkenaan, mereka yang berlainan ugama juga akan berbuat yang sama, demi memelihara keharmonian hidup berkeluarga, berjiran tetangga terutama sekali dalam erti kata untuk mereka, iaitu keluarga, jiran tetangga, sekampung, sedaerah yang berlainan pegangan agama berkenaan akan sama menghormati kerasmian Islam ugama negara.

>> Muka 5

Rasulullah miliki akhlak paling agung, terpuji

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memiliki akhlak yang paling agung dan terpuji yang telah disebutkan di dalam Al-Quran.

Rasullullah mempunyai kehebatan dan kemuliaan bukan hanya pada zaman Baginda bahkan terbaik keseluruhan umatnya dan makhluk di muka bumi ini.

Rasulullah dikatakan Sharafil Anam maksudnya ialah sebaik-baik dan semulia-mulia makhluk, Rasullullah bukan sahaja insan terbaik pada umatnya pada zaman Baginda bahkan terbaik para nabi dan rasul dan seluruh makhluk di muka bumi ini dan ini adalah kelebihan Rasullulah yang sangat-sangat unik, agung dan luar biasa.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama

WUJUD sistem pengangkutan yang cekap, selamat mampan
Muka 7

TINGKAT Persefahaman, kasih sayang sesuai tuntutan Islam
Muka 12

PENGGUNAAN daun upih
Muka 21

PELITA BRUNEI

Pertahankan kedaulatan raja, pelihara negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah dan hidayah-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-35 pada petang ini.

Sesungguhnya, Sijil Taraf Kerakyatan yang bakal diterima nanti adalah dokumen yang begitu bermakna kepada semua penerima kerana telah mendapat kurnia perkenan untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15. Tahniah diucapkan dan semoga penganugerahan ini akan meningkatkan lagi ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta akan terus mencurahkan bakti dalam sama-sama membangun dan memajukan Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya dalam mencapai Wawasan Negara 2035.

Selaku rakyat yang bernaung dan berlindung di bumi Darussalam, termasuk semua yang hadir adalah mempunyai tanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan raja dan memelihara negara yang mengamalkan prinsip Melayu Islam Beraja yang dijadikan sebagai asas dan tunggak kehidupan di negara ini.

Di samping itu, kita perlu memahami, mengamalkan dan mengekalkan nilai-nilai murni kehidupan selaku orang Brunei yang kaya dengan adat resam dan budi pekerti yang mulia, taat kepada raja, taat kepada agama, bersopan santun, berawar galat, bergotong-royong, saling hormat-menghormati dengan memupuk rasa kekitaan di antara satu sama lain. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

Dari perspektif lain pula, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita haruslah memberi sokongan kepada dasar-dasar yang telah digubal oleh kerajaan kerana dasar negara adalah merupakan satu elemen yang penting dalam menjalankan sistem pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Saya menyeru agar kita selaku rakyat dan penduduk negara ini untuk berganding bahu dalam menyokong dan mendukung dasar-dasar kerajaan demi kemajuan, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk NBD.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Sijil Taraf Kerakyatan dan penuh berharap abiskita semua dapat menghargai kurnia ini, bukan sahaja menerusi ikrar taat setia, malah dizahirkan melalui perbuatan dan amalan seharian. Dalam pada itu juga, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan semua agensi yang terlibat sama dalam menjayakan majlis pada petang ini, semoga apa jua bentuk sumbangan, khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan itu akan mendapat keredaan dan ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah, Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Di samping itu, kita perlu memahami, mengamalkan dan mengekalkan nilai-nilai murni kehidupan selaku orang Brunei yang kaya dengan adat resam dan budi pekerti yang mulia, taat kepada raja, taat kepada agama, bersopan santun, berawar galat, bergotong-royong, saling hormat-menghormati dengan memupuk rasa kekitaan di antara satu sama lain. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Dari perspektif lain pula, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita haruslah memberi sokongan kepada dasar-dasar yang telah digubal oleh kerajaan kerana dasar negara adalah merupakan satu elemen yang penting dalam menjalankan sistem pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Saya menyeru agar kita selaku rakyat dan penduduk negara ini untuk berganding bahu dalam menyokong dan mendukung dasar-dasar kerajaan demi kemajuan, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk NBD.

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-35, di Dewan Persidangan Bridex, Jerudong, pada 6 Julai 2022.

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	RABU	23	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
20	KHAMIS	24	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
21	JUMAAT	25	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	SABTU	26	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
23	AHAD	27	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	ISNIN	28	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	SELASA	29	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Bangar	31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong	31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
Kuala Belait	31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 19 OKTOBER 2022

Bersedia hadapi cuaca tidak menentu

NEGARA Brunei Darussalam sekarang berada pada Monsun Peralihan pada awal Oktober ini. Beberapa hari kebelakangan ini, hujan dan ribut petir kerap berlaku di kawasan pedalaman pada sebelah petang dan merebak serta menjejaskan kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu malam, dan berlanjutan sehingga awal pagi keesokan harinya. Turunan hujan dari Oktober dan November adalah tinggi, iaitu sekitar 320 milimeter.

Kadang cuaca buruk dapat mendatangkan bencana, salah satunya banjir. Walaupun banjir cenderung melanda beberapa kawasan tertentu sahaja, tidak ada salahnya untuk bersedia menghadapi keadaan darurat.

Bukan sahaja banjir, bahkan cuaca buruk boleh mendatangkan bahaya, seperti angin ribut, pokok tumbang malah jalan raya ditenggelami banjir. Sebagai langkah berjaga-jaga kepada penduduk di kawasan berisiko bagi menghadapi kemungkinan berlaku fenomena berkenaan, mereka perlu bersiap sedia dan tahu apa yang perlu dibuat ketika fenomena tersebut berlaku.

Dalam menghadapi cuaca buruk, orang ramai perlu tahu apa yang perlu diselamatkan. Barangan berharga dan dokumen penting perlu disimpan di tempat selamat agar mudah dicari jika terpaksa meninggalkan rumah.

Persiapan mental dan fizikal setiap individu bagi menghadapi situasi banjir juga adalah perkara paling penting kerana kerosakan kediaman serta harta benda mungkin boleh menyebabkan emosi terganggu. Begitu juga dengan pasca banjir kerana tenaga diperlukan bagi tugas-tugas pembersihan.

Perhatian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap situasi yang dihadapi oleh rakyat tidak diragukan lagi. Lawatan dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan ke tempat-tempat yang dikhuatiri terjejas disebabkan oleh hujan lebat. Ini adalah untuk meninjau secara lebih dekat kawasan-kawasan dan jalan-jalan yang dilanda banjir dan juga untuk memastikan persediaan pelbagai agensi kerajaan bagi menghadapi cuaca hujan kebelakangan ini, termasuk persediaan bantuan pengangkutan kenderaan trak di kawasan jalan yang terjejas, terutama di kawasan pedalaman bagi para penduduk kampung yang memerlukan.

Selain itu bagi pengendali bot adalah disarankan supaya sentiasa mengawasi keadaan cuaca di laut, seperti ribut, ombak besar supaya tidak terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku.

Bagi pengguna di jalan raya pula, mereka perlu berhati-hati semasa mengenderai kenderaan kerana keadaan jalan raya yang licin, berlopak-lopak, pandangan kabur disebabkan hujan lebat dan juga pokok-pokok tumbang di pinggir jalan. Selain itu, kita juga perlu sentiasa memastikan kenderaan dalam keadaan baik supaya tidak menimbulkan sebarang masalah semasa berada di jalan raya ketika cuaca buruk.

Keselamatan diri, ahli keluarga, jiran-jiran perlu diutamakan ketika ini kerana kita tidak tahu bila kita akan berhadapan dengan cuaca buruk, tetapi dengan membuat persediaan awal, setidak-tidaknya kita sudah bersedia menghadapinya. Berdoalah supaya negara kita sentiasa dilindungi dari sebarang bencana. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat tinggalkan Republik Rakyat Bangladesh

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Republik Rakyat Bangladesh selepas mengadakan Keberangkatan Negara selama dua hari. Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Luar Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Dr. A. K. Abdul Momen, M.P. (kiri dan atas).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

DHAKA, **REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH,** Isnin, 17 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat meninggalkan Republik Rakyat Bangladesh selepas mengadakan Keberangkatan Negara selama dua hari.

Berangkat mengiringi baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Hazrat Shahjalal (HSIA), Dhaka bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Luar Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Dr. A. K. Abdul Momen, M.P.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Haji Haris Haji Othman.

Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang pertama ke Bangladesh ini adalah atas jemputan-jemputan Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Mohammad Abdul Hamid, serta Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.

Semasa Keberangkatan Negara ini, Kebawah DYMM telah mengadakan perjumpaan bersama Presiden dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh serta Menteri Luar Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh dan membincangkan perkara - perkara untuk mengukuhkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Bangladesh, termasuk kerjasama dalam Bidang - bidang Tenaga, Industri Pemakanan, Pertanian, Perikanan dan Kesalinghubungan.

Sebanyak tiga Memorandum Persefahaman dalam Bidang-bidang Buruh, Perkapalan dan Tenaga serta satu Perjanjian di dalam Bidang Perkhidmatan Udara dimeterai semasa Keberangkatan Negara ini.

Kedua-dua buah negara turut membincangkan peluang-peluang kerjasama baharu yang dapat diterokai.

Semasa Keberangkatan Negara ini juga, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman telah menghadiri beberapa acara sampingan, iaitu Dialog Keusahawanan yang memberi tumpuan pada penerokaan kaedah - kaedah untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam Bidang-bidang Perdagangan dan Ekonomi di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh; Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. bersama Zes Trading, bertujuan untuk memperkembangkan kerjasama di antara kedua buah syarikat, melalui pengedaran dan penjualan produk-produk Bruneihalalfood di Bangladesh; dan Majlis Pelancaran bagi produk-produk Bruneihalalfood.

Majlis Sambutan Rasmi dan Majlis Santap Negara, yang dihoskan oleh Presiden, diadakan sempena Keberangkatan Negara baginda.

Satu Kenyataan Bersama dikeluarkan pada penghujung Keberangkatan Negara ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan DYTM berkenan menerima sembah ucapan selamat berangkat daripada Menteri Luar Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Dr. A. K. Abdul Momen, M.P. (atas), sementara gambar bawah, baginda berkenan beramah mesra bersama para petugas sejurus sebelum meninggalkan tempat persemayaman baginda.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas dan bawah).

PELITA BRUNEI

SEJUMLAH BND135,819 DISUMBANGKAN KEPADA PUSAT EHSAN

PADUKA-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah pada Majlis Penyampaian Sumbangan sejumlah BND135,819, hasil daripada kutipan Kejohanan Polo Amal 2022, yang disumbangkan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (atas dan bawah).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Sejumlah BND135,819 hasil daripada kutipan Kejohanan Polo Amal 2022 disumbangkan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan).

Majlis penyampaian sumbangan berkenaan berlangsung di Istana Nurul Izzah.

Berkenan berangkat bagi menyempurnakan penyerahan sumbangan berkenaan ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Berangkat sama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Turut hadir, Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin; Pengarah Urusan Cityneon Brunei, Dato Jack Ting; dan perwakilan Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd., Jenny Lo.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah mula-mula berkenan menerima *mock cheque* berjumlah BND135,819 daripada Dato Jack Ting dan kemudian menyerahkannya kepada Pengiran Datin Hajah Noraini bagi pihak Pusat Ehsan.

Sumbangan berkenaan adalah hasil daripada Kejohanan Polo Amal 2022, yang dianjurkan oleh Pasukan Polo Brunei dengan kerjasama Persatuan Polo Diraja Brunei dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, yang diadakan pada 10 Julai lalu, di Royal Brunei Polo and Riding Club.

Kejohanan berkenaan dihasratkan untuk membantu mengumpul dana bagi kos operasi Pusat Ehsan, iaitu sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan dan bukan berasaskan keuntungan, yang sentiasa berusaha dalam menyediakan pendidikan berkualiti, termasuk perkhidmatan penjagaan juga pemulihan bagi individu yang berkeperluan khas, di Negara Brunei Darussalam.

Kejohanan yang dianjurkan sejak tahun 2016 berkenaan telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai setiap kali ia dianjurkan dan melalui acara seumpama berkenaan, ia juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai untuk menyokong hak juga keperluan orang-orang berkeperluan khas di negara ini.

Pusat Ehsan komited untuk meningkatkan kualiti kehidupan orang-orang berkeperluan khas di negara ini, terutamanya kepada kanak-kanak istimewa di bawah jagaan pusat berkenaan.

Organisasi berkenaan adalah untuk membimbing orang-orang muda, melatih dan mendidik mereka ke arah pembelajaran, kebebasan juga saling berdikari, dengan hasil pembangunan mental dan fizikal juga membantu mereka untuk menyesuaikan diri dalam kalangan keluarga mereka dan masyarakat sosial.

78.6 peratus terima 3 dos vaksin

Oleh : Srinarawie Bidzah
Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Sebanyak 343 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 230,858.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak dua kes dilaporkan berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 18 Oktober 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.1 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.6 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.7 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

TINGKAT ILMU, AMALAN BERUGAMA ISLAM PARA MUALAF

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan perkara demikian semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Program Muallaf Mantap dan Penyerahan Sijil Tamat Skim Bimbingan Muallaf Kali-1 Pusat Da'wah Islamiah Tahun 1444H / 2022M, berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

"Sambil itu saya juga menghargakan usaha Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui dua bahagian yang melaksanakan kedua-dua program majlis hari ini, iaitu Bahagian Pembangunan Muallaf dan Urus Setia Program Keugamaan Belia.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada Majlis Konvokesyen Program Muallaf Mantap dan Penyerahan Sijil Tamat Skim Bimbingan Muallaf Kali-1 Pusat Da'wah Islamiah Tahun 1444H / 2022M.

"Saya percaya kedua-duanya akan terus aktif merancang dan melaksanakan program memantapkan dan seterusnya meningkatkan daya tahan saudara-saudara baru kita seugama yang disebut-sebut sebagai mualaf," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, kementerian menyambut baik daya usaha PDI meluaskan pendekatannya dalam memantapkan saudara-saudara baru seugama, iaitu pendekatan secara aktiviti kebeliaan seperti Belia Muallaf Asysyahadah, termasuk secara keusahawanan menerusi program Muallafpreneurs yang telah menganjurkan Souq Al-Qudwah.

"Dalam kesempatan ini, saya sukacita menyampaikan terima kasih penghargaan kepada banyak pihak swasta yang telah menyokong pelbagai program yang diadakan.

"Ada yang turut sama tidak sahaja setakat membimbing bahkan mewujudkan program, iaitu pihak BIBD dalam menampilkan Muallafpreneurs sebagai usaha niaga merupakan wadah kepada para pesertanya dalam kalangan saudara-saudara baru, mualaf yang bekarih dan sanggup bejarih," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, di dalam Akta Majlis Ugama Islam bab 164-168 mengenai pengislaman ada menyebut perkataan mualaf tetapi tiada tafsiran mengenainya diberikan.

Bagaimanapun jelas Yang Berhormat, Majlis Ugama Islam memahaminya sebagaimana maksud ayat 60 Surah At-Taubah dalam pelaksanaan kutipan dan agihan zakat, iaitu mualaf itu adalah sebahagian daripada lapan asnaf yang berhak dan wajib diberikan agihan zakat daripada zakat yang dikutip dan dikumpulkan setiap tahun.

"Majlis Ugama Islam juga melaksanakan kehendak peruntukan bab 167 (3) Akta Majlis mengenai tanggungjawabnya terhadap orang-orang baharu memeluk Islam untuk berada dalam jagaan majlis bagi suatu tempoh tertentu.

"Bagi maksud jagaan itulah yang pada masa ini dilakukan oleh PDI, termasuklah memelihara dengan memantapkan keislaman orang-orang yang baharu memeluk ugama Islam, yakni yang disebut mualaf itu," ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh itu terang Yang Berhormat, Majlis Ugama Islam dan PDI perlulah dan memangnya pun sudah bekerjasama bagi melaksanakan peruntukan akta berkenaan. Tinggal lagi kerjasama berkenaan hendaklah difahami dengan baik dan diurus tadbirkan sewajarnya bagi mengatasi cabaran birokrasi yang menjejaskan semua pihak dalam hal ini.

"Seterusnya adalah jelas rancangan dan Program Bimbingan Muallaf yang sinonim juga dengan program mualaf atau memantapkan mualaf adalah selain tanggungjawab keugamaan yang diundang-undangkan, yakni diberikan kuat kuasa undang-undang untuk dilaksanakan," ujar Yang Berhormat.

Pemerintah ABDB terima anugerah Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia, PGAT

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan bergambar bersama Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

KUALA LUMPUR, Selasa, 18 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mengurniakan anugerah pingat tentera Malaysia berprestij, Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia, Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) Kehormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, hari ini di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Upacara Istiadat Pengurniaan Darjah Kepahlawanan Angkatan Tentera Malaysia Tahun 2022 berlangsung di Balairung Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.

Penganugerahan berkenaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan ke atas sumbangan Pemerintah ABDB di dalam memperkukuhkan hubungan erat serta usaha mempertingkatkan lagi kerjasama ketenteraan antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Program Muallaf Mantap, Skim Bimbingan Lanjutan : 151 belia mualaf terima sijil

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima pada Majlis Konvokesyen Program Muallaf Mantap dan Penyerahan Sijil Tamat Skim Bimbingan Muallaf Kali-1 Pusat Da'wah Islamiah Tahun 1444H / 2022M.

BERAKAS, Selasa, 18 Oktober. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf bagi Skim Bimbingan Muallaf dan Urus Setia Program Keugamaan Belia bagi Program Muallaf Mantap buat julung kalinya mengadakan Majlis Konvokesyen Program Muallaf Mantap dan Penyerahan Sijil Tamat Skim Bimbingan Muallaf bagi Tahun 1444H / 2022M.

Majlis yang diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas berkenaan menyaksikan seramai 151 peserta menerima sijil terdiri daripada 37 peserta belia mualaf yang mengikuti dan menamatkan Program Muallaf Mantap manakala 114 orang lagi merupakan peserta mualaf dari keempat-empat buah daerah yang telah menamatkan Skim Bimbingan Lanjutan II pada tahun 2022.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan juga turut menyempurnakan penyampaian sijil, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, Surah Al-'Alaq beramai-ramai yang dipimpin oleh Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi @ Suanddy bin Suhaimi, peserta Skim Bimbingan Muallaf, sementara inti sari surah dibacakan oleh Muhammad Aisamuddin bin Muhammad Hanafi @ Dines anak Uset.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, selaku Pengerusi Majlis antara lain berkata bahawa Program Muallaf Mantap telah berlangsung selama satu tahun bermula pada 9 Rabiulawal 1443H bersamaan dengan 14 November 2021M yang lalu, dilaksanakan secara dalam talian dan seterusnya dibuat secara hibrid dan disertai seramai 37 peserta, iaitu 11 peserta lelaki dan 26 peserta perempuan dalam kalangan para belia mualaf tempatan dan mualaf yang bermastautin di negara ini serta turut disertai oleh seorang peserta bukan Islam.

Sementara itu jelasnya, Skim Bimbingan Muallaf berkenaan merupakan aktiviti tahunan Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) yang ditawarkan di PDI dan disediakan khusus bagi para mualaf untuk mengikuti bimbingan secara berperingkat-peringkat, iaitu sebanyak empat peringkat setiap tahun yang dimulai dengan Bimbingan Pengenalan Islam, Peringkat Ke-2 Skim Bimbingan Asas, Peringkat Ke-3 Skim Bimbingan Lanjutan I dan yang terakhir Peringkat Ke-4 Skim Bimbingan Lanjutan II.

"Kesemua Skim Bimbingan ini telah berjaya dilaksanakan di keempat-empat buah daerah bertujuan memudahkan para mualaf untuk menghadiri Skim-skim Bimbingan mengikut daerah masing-masing dan diungkayahkan dengan kerjasama Pejabat Unit Da'wah di Daerah-Daerah dengan sokongan dari Majlis Ugama Islam Brunei. Manakala sasaran peserta penerima sijil adalah bagi mualaf yang telah mengikuti dan menamatkan Skim Bimbingan Lanjutan II pada tahun 2022M," ujar beliau.

Menurut Awang Haji Abd. Rajid lagi, antara pengisian bagi Skim Bimbingan Muallaf berkenaan ialah bimbingan Fardu Ain daripada aspek syariah, akidah dan akhlak serta bimbingan fardu kifayah.

Beliau seterusnya melahirkan harapan agar para peserta akan terus istiqamah dalam menimba ilmu pengetahuan ugama Islam bagi melahirkan cendekiawan Islam yang berjaya dalam kalangan mualaf.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dan seterusnya menyaksikan tayangan video pendek Program Muallaf Mantap dan Skim Bimbingan Muallaf.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama kemudiannya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil, Anugerah Peserta Terbaik kepada para peserta dan Sijil Penghargaan kepada penceramah, tenaga pengajar, fasilitator halaqah dan penaja.

Majlis juga diserikan lagi dengan persembahan lagu Skim Bimbingan Muallaf bertajuk 'Insan Rabbani'.

Majlis konvokesyen yang pertama kali diadakan ini antara lain bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada para mualaf yang teah menamatkan Program Muallaf Mantap dan Skim-Skim Bimbingan Muallaf.

Di samping itu, menghargai potensi dan komitmen para peserta mengikuti program bimbingan yang telah disediakan.

Diharapkan dengan adanya majlis seumpama berkenaan akan berjaya membina keyakinan para peserta untuk sentiasa mempelajari dan mengamalkan ilmu agama Islam selain untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama para peserta mualaf dari keempat-empat daerah.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

PELITA BRUNEI

RASULULLAH MILIKI AKHLAK PALING AGUNG, TERPUJI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati Ceramah Khas Maulidur Rasul yang bertajuk 'Keistimewaan Rasulullah' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awangku Md. Muzhaffar bin Pengiran Haji Rusidi yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Haji Nor Asilin bin Haji Puting.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, pengarah-pengarah, para pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkenaan (atas). Manakala gambar bawah, majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban.

CERAMAH Khas Maulidur Rasul disampaikan oleh penceramah undangan dari Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awangku Md. Muzhaffar bin Pengiran Haji Rusidi.

Tidak ada kes dalam Kategori 4, 5

YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Isnin, 17 Oktober. - Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan, di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 388 kes sehari, berbanding dengan 307 kes sehari, pada minggu sebelumnya.

Hari ini, sebanyak 417 kes baharu dilaporkan, iaitu 414 kes hasil Ujian ART dan tiga kes adalah hasil daripada 123 Ujian Makmal RT-PCR, yang dilakukan dalam masa 24 jam lalu.

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dalam pada itu, sebanyak 40,321 keputusan Ujian ART dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu, di mana 6.7 peratus daripadanya adalah keputusan Ujian ART yang positif.

Walau bagaimanapun pada hari ini, tidak ada kes di dalam Kategori 4 dan 5 dilaporkan, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) atau memerlukan bantuan oksigen.

Menurut Yang Berhormat lagi, sehingga kelmarin, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.6 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan dos ketiga vaksin serta 10.7 peratus juga mendapatkan dos keempat.

Yang Berhormat juga turut mengongsikan mengenai pemantauan epidemiologi yang mendapati jumlah kes Influenza dan Jangkitan serupa Influenza (Influenza-like Ilness - ILI) menunjukkan peningkatan pada minggu lepas, di mana jumlah kes Influenza pada minggu lalu ialah sebanyak 8,033 kes.

"Jumlah ini melebihi jumlah kes pada Februari hingga Mac dan Jun hingga Julai, pada tahun ini, iaitu di antara 5,000-6,000 kes seminggu," ujar Yang Berhormat.

Justeru orang ramai adalah diingatkan untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan, seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak.

"Segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk dan dapatkan suntikan Influenza, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan," saran Yang Berhormat lagi.

Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Varian XBB BA.2 dikesan di negara ini

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Isnin, 17 Oktober. - Menyentuh mengenai varian baharu XBB yang merupakan sebahagian daripada varian Omicron BA.2, yang dikatakan kini menular di beberapa buah negara, seperti Singapura, Bangladesh dan beberapa negara yang lain sejak Ogos lalu.

Menurut hasil dapatan *genetic sequencing* mendapati satu kes varian XBB BA.2 telah berada di negara ini, perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar ketika menjawab pertanyaan daripada pihak media pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Maka adalah tidak mustahil daripada apa yang dinyatakan mengenai vaksin dan penurunan imuniti, tambah Yang Berhormat lagi,kemungkinan varian ini akan mula menular di negara ini dengan mengambil kira faktor lain, seperti pembukaan semula perjalanan keluar masuk negara seperti biasa, maka seseorang itu boleh sahaja membawa varian berkenaan masuk ke negara ini.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat lagi, seperti yang diterangkan dari negara-negara jiran walaupun ia merupakan varian XBB, ia didapati mempunyai kesan yang lebih ringan dalam 30 peratus lebih *reduction* dalam kategori 4 dan 5 serta ia tidaklah seteruk seperti varian BA.5, delta dan sebagainya serta jumlah kemasukan ke hospital juga adalah terkawal dan tidak menyebabkan peningkatan kemasukan pesakit.

Menurut Yang Berhormat lagi, pihak-pihak berkenaan tetap akan sentiasa memantau akan hal keadaan sebegini dengan sentiasa berkongsi maklumat bersama negara-negara jiran serta negara luar yang lain mengenai keadaan penularan di negara berkenaan dan sebagainya.

InsyaaAllah semoga negara serta rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa mendapat perlindungan daripada Allah Subhanah Wata'ala jua.

WUJUDKAN SISTEM PENGANGKUTAN YANG CEKAP, SELAMAT, MAMPAN

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi pada Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Kali Ke-28 (ATM Ke-28) dan Mesyuarat-mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog, di Bali, Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN Kali Ke-28 (ATM Ke-28) dan Mesyuarat-mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog, yang diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2022 di Bali, Indonesia.

Mesyuarat ATM Ke-28 dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Budi Karya Sumadi.

Dalam Ucapan Pembukaannya, TYT Budi Karya Sumadi menekankan peranan Sektor Pengangkutan masih memainkan peranan penting bagi mencapai Visi ASEAN ke arah masyarakat yang mantap dan inklusif serta yang bersepadu dengan ekonomi global.

TYT seterusnya menyentuh, bahawa walaupun proses pemulihan penuh Sektor Pengangkutan merupakan cabaran berterusan selepas wabak COVID-19, projek-projek serta inisiatif yang dicapai semasa Mesyuarat-mesyuarat ATM kali ini menunjukkan komitmen berterusan Pegawai - pegawai Kanan Pengangkutan ke arah pemulihan Sektor Pengangkutan yang mampan.

Mesyuarat ATM Ke-28 dan Mesyuarat-mesyuarat Bersama Rakan-rakan Dialog seterusnya, dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan, Indonesia, TYT Budi Karya Sumadi selaku Pengerusi Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN pada tahun 2022.

Semasa Mesyuarat ATM Ke-28 ini, Mesyuarat bersetuju untuk memuktamadkan dan mensahkan dua dokumen utama, iaitu : (i) ASEAN Agreement on Aeronautical and Maritime Search and Rescue Cooperation (Perjanjian ASEAN SAR); dan (ii) ASEAN-European Union Comprehensive Air Transport Agreement (Perjanjian AE-CATA).

Kedua-dua Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat ATM Ke-28 di Bali, Indonesia.

Perjanjian ASEAN SAR ini akan membangunkan serta mempertingkatkan kerjasama di dalam Bidang Mencari dan Menyelamat (Search and Rescue), khususnya berkaitan udara dan maritim di antara Negara-negara Ahli ASEAN.

Kerjasama tersebut, antara lainnya termasuk berkongsi dan bertukar-tukar maklumat serta pengalaman dan menjalankan latihan bersama (*joint exercises*) serta pembangunan sumber manusia dalam Bidang Mencari dan Menyelamat.

Manakala Perjanjian AE-CATA, sebagai perjanjian perkhidmatan udara *bloc-to-bloc* yang pertama di antara ASEAN dan Kesatuan Eropah, akan meningkatkan hubungan udara di antara kedua-dua rantau serta mempertingkatkan peluang ke arah pemulihan setelah wabak COVID-19.

Mesyuarat tersebut mensahkan dokumen-dokumen berikut, iaitu berkaitan dengan trend global terkini dalam pembangunan yang mampan dan berdayatahan serta pendigitalan, iaitu (i) The Annual Priorities / Key Deliverables in Transport for 2023, termasuk cadangan-cadangan dasar bagi mempertingkatkan infrastruktur dan stesen pengecas kenderaan elektrik dan mempertimbangkan rangka kerja ASEAN Sustainable Aviation Action Plan (ASAAP); (ii) The ASEAN Guidelines on Airport Environment Management System (EMS); (iii) The Guiding Principles for the Regulation of Application-based Mobility Services for Passenger Transport in ASEAN; dan (iv) The Implementation Framework to Enhance Container Circulation in ASEAN.

Mesyuarat tersebut juga bersetuju untuk menubuhkan satu ASEAN Senior Transport Officials Meeting (STOM) Task Force on Sustainable Transport yang akan meneliti dan mempertimbangkan isu-isu serta inisiatif-inisiatif baharu, antara lainnya di dalam Bidang-bidang Sustainable Development, Decarbonisation dan Pendigitalan Sektor Pengangkutan.

STOM Task Force ini juga akan me*review* dokumen dasar utama, iaitu Kuala Lumpur Transport Strategic Plan (KLTSP) 2016- 2025, seterusnya merangka dokumen strategi baharu yang akan menggantikan KLTSP ini untuk pelaksanaan menjelang tahun 2025.

Mesyuarat ATM Ke-28, diikuti dengan Mesyuarat-mesyuarat bersama Rakan-rakan Dialog Pengangkutan ASEAN, iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea bagi membincangkan inisiatif-inisiatif ke arah mengembangmajukan kerjasama pengangkutan, termasuk mensahkan rangka kerja-rangka kerja utama masing-masing.

Mesyuarat ATM Ke-28 ini didahului dengan Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN Kali Ke-54 (STOM Ke-54) dan Mesyuarat bersama Rakan-rakan Dialog, yang diadakan pada 14 hingga 15 Oktober 2022.

Delegasi Negara Brunei Darussalam ke STOM Ke-54, diketuai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Mesyuarat STOM Ke-54 membincangkan dokumen-dokumen untuk dihadapkan kepada Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN dan mengenai status program, aktiviti serta projek, di bawah rangka kerja Kuala Lumpur Transport Strategic Plan (KLTSP) 2016-2025.

Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN (ATM) merupakan platform tahunan, di mana Menteri-menteri Pengangkutan dari Negara-negara Ahli ASEAN berkumpul untuk berbincang serta memutuskan untuk meneruskan kerjasama pengangkutan, dalam ASEAN dan Rakan-rakan Dialog, khususnya mengenai kemajuan kerjasama pengangkutan, termasuk projek-projek dan inisiatif-inisiatif dalam meningkatkan lagi kesalinghubungan serta mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan mampan untuk menyokong integrasi ekonomi di rantau ASEAN.

Perasmian program Seeds for The Future 2022

SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan pada Perasmian Program Seeds for the Future 2022 secara maya (atas), sementara gambar bawah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 17 Oktober. - Huawei Technologies di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan rasminya memulakan program secara maya, iaitu Seeds for the Future 2022 dalam satu majlis perasmian di Teater Kuliah 2, Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan program tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad bersama Pemangku Naib Canselor UBD, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra; Kaunselor dan Timbalan Ketua Perwakilan, Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam, Wang Haitao dan Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies di NBD, Kevin Zhang Jianwei. Turut hadir, pegawai kanan kerajaan, CEO syarikat dan wakil sekolah.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kami telah meneruskan program Seed for the future dan kami berbesar hati untuk menyaksikan hasil yang memberangsangkan.

"Lebih daripada 100 pelajar di NBD mendapat manfaat daripada program ini dari tahun 2015 hingga tahun 2021, dengan beberapa pelajar siswazah bekerja dalam industri ICT yang akan menyumbang kepada pembangunan ekosistem bakat ICT tempatan.

"Huawei sedang meneroka cara yang berbeza untuk memupuk bakat ICT melalui inovasi, seperti akademi Huawei bekerjasama dengan UTB, yang telah menyaksikan lebih 40 peserta menyertai latihan ini," ujar Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies di NBD, Kevin Zhang Jianwei ketika memberikan ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut.

Seeds for the Future ialah program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) global utama Huawei dan telah dilancarkan pada tahun 2008.

Program ini bertujuan untuk membangunkan bakat tempatan yang berkemahiran dalam Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT) dan merapatkan komunikasi antara negara dan budaya.

Dengan berkongsi kepakaran dan pengalaman ICT dalam persekitaran perniagaan global, golongan muda dari negara yang berbeza boleh belajar tentang teknologi canggih dalam industri ICT.

Para peserta boleh mengumpul kepakaran dan kemahiran ICT melalui program ini dan menyumbang kepada kemajuan industri ICT global.

Institusi pengajian tinggi mendapat manfaat daripada transformasi digital kerana ia menambah baik pengajaran, pembelajaran dan pendidikan secara umum.

Di luar pembelajaran dalam talian, transformasi digital menggunakan teknologi dan data untuk meningkatkan operasi institusi pada skala yang lebih besar, memberi manfaat kepada kakitangan, pelajar dan alumni.

>> Muka 9

UNDI, PILIH CALON KETUA KAMPUNG KAWASAN 4, RPN KAMPUNG RIMBA

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) sukacita ingin memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 4, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A', bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Rimba akan diadakan pada Ahad, 6 November 2022, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi, bertempat di Sekolah Rendah Rimba I, Brunei III.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A' akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers,* pada 6 November 2022 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 4 hingga 6 November 2022.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A' yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 6 November 2022 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui aplikasi e-Undi PMKK sebelum 3 November 2022 jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A' untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

Tip KESIHATAN

Elakkan terlalu asyik dengan telefon pintar

AWDA perlu tahu, ketagihan bukan hanya melibatkan isu seperti dadah atau minuman beralkohol, tetapi juga telefon pintar. Berikut adalah cara mengatasi ketagihan telefon pintar yang awda perlu tahu.

Maksud ketagihan telefon pintar

Awda perasan atau tidak, di mana awda menghabiskan lebih banyak masa di media sosial atau bermain permainan daripada berinteraksi dengan individu sebenar.

Awda juga mungkin tidak boleh menahan diri daripada berulang kali memeriksa mesej, e-mel atau aplikasi di telefon pintar walaupun ia mempunyai kesan negatif dalam hidup awda.

Mungkin sudah sampai waktunya untuk awda menilai semula penggunaan teknologi yang awda miliki. Ketagihan telefon pintar juga kadangkala dikenali sebagai *nomophobia* (takut hidup tanpa telefon pintar).

Malah ia sering didorong oleh masalah penggunaan internet atau gangguan ketagihan internet. Bukan telefon atau *gadget* itu yang menjadi puncanya, tetapi permainan, aplikasi dan dunia dalam talian yang membuatkan kita ketagihan.

Tanda-tanda awda ketagihan telefon pintar

Berikut adalah antara tanda-tanda jika awda sudah menggunakan telefon pintar secara berlebihan.

1. Bermasalah menyelesaikan tugasan di tempat kerja atau di rumah

a. Adakah awda perasan banyak tugasan awda di rumah tidak dapat diselesaikan pada waktunya? atau mungkin juga awda bekerja lebih lewat kerana tidak dapat menyelesaikan tugasan tepat pada waktunya?

b. Ia mungkin kerana awda banyak menghabiskan masa dengan berbual di WhatsApp atau bermain permainan video.

2. Mengasingkan diri daripada keluarga dan rakan-rakan

a. Adakah kehidupan sosial awda menjadi semakin teruk kerana awda menghabiskan banyak masa dengan telefon pintar atau gajet lain sepanjang masa?

b. Sekiranya awda sedang melepak atau berbual dengan rakan, adakah awda tidak dapat mengikuti apa yang dikatakan kerana kerap bermain dengan telefon?

c. Atau adakah rakan atau ahli keluarga awda ada menyatakan kebimbangan mereka mengenai jumlah masa yang awda habiskan di telefon?

d. Kesemua ini membawa maksud bahawa awda telah mengasingkan diri awda daripada dunia sebenar.

3. Menyembunyikan penggunaan telefon

a. Jika awda pernah menyelinap keluar ke tempat lain semata-mata untuk menggunakan telefon, atau menyembunyikan penggunaan telefon pintar daripada ketua dan keluarga, ini membawa tanda, awda mengalami ketagihan.

b. Seseorang yang *obsess* telefon juga akan berasa jengkel atau naik angin sekiranya diganggu semasa menggunakan telefon pintar.

4. Berasa takut jika ketinggalan

a. Tidak senang jika ketinggalan sebarang berita atau maklumat penting daripada telefon, atau awda sering bangun malam hanya untuk memeriksa telefon, ini membawa tanda-tanda ketagihan telefon pintar.

5. Rasa takut, cemas atau panik jika awda tertinggal telefon

a. Awda akan berasa cemas atau panik jika telefon awda tidak berada bersama awda setiap masa.

b. Awda juga akan berasa hal yang sama sekiranya bateri telefon awda semakin berkurangan atau telefon awda tidak dapat dihidupkan.

Cara mengatasi ketagihan telefon pintar

Bagi sesetengah individu, pengawalan terhadap penggunaan internet dan telefon pintar mungkin akan menjadi sedikit sukar. Namun, matlamat awda hanyalah untuk mengurangkan penggunaannya kepada tahap penggunaan yang lebih sihat.

Antara perkara yang boleh dilakukan sebagai cara mengatasi ketagihan telefon pintar adalah seperti berikut :

1. Tetapkan matlamat bilakah awda boleh menggunakan telefon pintar

a. Sebagai contoh, awda mungkin boleh menentukan penggunaan telefon pintar pada waktu-waktu tertentu sahaja dalam sehari.

b. Jadikan penggunaan telefon pintar sebagai ganjaran untuk awda setelah selesai tugasan rumah atau pekerjaan awda.

2. Matikan telefon awda pada waktu-waktu tertentu dalam sehari

a. Matikan telefon pintar awda pada waktu tertentu, seperti ketika awda memandu, dalam mesyuarat, di gim, makan malam atau bermain dengan anak-anak awda.

b. Jangan bawa telefon pintar awda ke tandas atau bilik mandi.

3. Jangan bawa telefon pintar atau tablet awda ke tempat tidur

a. Lampu biru yang dipancarkan oleh skrin telefon boleh mengganggu tidur awda jika digunakan dalam masa dua jam sebelum waktu tidur.

b. Matikan telefon pintar awda dan biarkannya di bilik lain semalaman untuk di caj.

4. Gantikan penggunaan telefon pintar awda dengan aktiviti yang lebih sihat

a. Sekiranya awda bosan dan kesepian, tahan keinginan untuk menggunakan telefon pintar boleh menjadi sesuatu yang sangat sukar.

b. Lakukan perkara lain yang lebih menyihatkan untuk mengisi masa awda, seperti bermeditasi, membaca buku atau berbual dengan rakan secara langsung.

5. Buang aplikasi media sosial daripada telefon awda

a. Untuk memeriksa akaun media sosial awda, gunakan aplikasi di komputer berbanding telefon pintar.

b. Dengan itu, awda tidak akan meluangkan banyak masa awda hanya di telefon sahaja, ingat, apa yang awda lihat mengenai orang lain di media sosial kadangkala bukanlah gambaran sebenar kehidupan mereka.

c. Jangan bandingkan diri awda dengan mereka, kerana berkemungkinan kehidupan awda jauh lebih baik dari segi realiti.

Kesimpulan

Melalui perkongsian yang dibuat oleh Hello Doktor, gunakanlah telefon pintar awda untuk keperluan sahaja. Jangan jadikan hidup awda dikawal oleh telefon pintar seratus peratus.

PROGRAM SUA MUKA TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Ukong, Kampung Bukit dan Long Mayan, Mukim Ukong dan antara yang hadir ketika sesi soal jawab (kiri). Manakala gambar bawah, ucapan alu-aluan Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 18 Oktober. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Ukong, Kampung Bukit dan Long Mayan, Mukim Ukong sebagai usahanya untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa serta dasar kerajaan dan dalam masa yang sama bagi menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian serta tindakan oleh agensi-agensi kerajaan berkenaan.

Program Sua Muka tersebut diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Bukit.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, antara lain mengongsikan tentang penyebaran maklumat palsu di era digital yang tular dengan begitu cepat yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat dan keselamatan negara, yang membawa pada tindakan, di bawah perundangan : Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34.

Iaitu barang siapa, sama ada melalui lisan atau tulisan atau apa cara sekalipun telah menyebarkan maklumat palsu atau membuat kenyataan palsu yang boleh menggemparkan atau menimbulkan keadaan cemas kepada pihak awam boleh didakwa dan dihukum penjara hingga tiga tahun atau denda BND3,000.

Beliau berkata lagi, sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan; menggunakan perkataan yang merupakan hasutan; mencetak, menyiarkan, menjual, menawarkan untuk menjual, mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan; serta membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan bahawa ia berbentuk hasutan, maka mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5,000 seperti yang dinyatakan pada Akta serta Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1).

Sementara itu, Ketua Perniagaan Retail Brunei Shell Marketing (BSM), Awang Haji Shahruddin bin Haji Abdul Wahid menyampaikan taklimat mengenai Kempen Isi Selamat Rasa Selamat : Pematuhan Garispandu dan Peraturan di Stesen Minyak yang antara lain mengongsikan beberapa cabaran yang dihadapi oleh Juara Servis, insiden-insiden yang pernah berlaku di stesen minyak dan garis panduan keselamatan sebelum, semasa dan selepas membuat pengisian minyak di stesen minyak Shell.

>> Muka 10

Perasmian program Seeds for The Future 2022

>> Muka 7

Peserta program telah didedahkan kepada Huawei's Cloud Computing, Internet of Things (IoT), membina dan mengkonfigurasi stesen mereka sendiri serta banyak penyelesaian canggih lain. Program ini disampaikan melalui bengkel teknologi dan acara rangkaian di Ibu Pejabat Huawei di China.

Seramai 30 pelajar NBD, yang ditaja oleh Huawei telah mengambil bahagian secara langsung di Shenzhen dan Beijing antara tahun 2015 dan tahun 2019 dan 132 lagi telah menyertai antara tahun 2020 sehingga kini.

Pada majlis perasmian tersebut juga diadakan sesi perkongsian daripada tiga Alumni Huawei Seeds for the Future yang berkongsi pengalaman mereka menyertai program tersebut.

Tiga pelajar tersebut ialah Freddy Ang Chuan Shi iaitu lulusan dari UBD dan Lim Zhi Jian dan Aunizarifah Batrisyia binti Awang Agus Zamri, masing-masing pelajar dari UTB dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Ini diikuti dengan ceramah khas daripada Low Beng Chee, iaitu penceramah pakar industri jemputan yang membawa tajuk 'Smart Digitalisation on Education'.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies di Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan penyampaian tanda penghargaan kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi) oleh Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Technologies di Negara Brunei Darussalam.

Program Seeds for the Future telah diadakan setiap tahun dengan kerjasama UBD. Para peserta akan menjalani program selama lapan hari di makmal komputer Bangunan Utama PAPRSB HIS UBD dari 17 hingga 24 Oktober 2022.

Seramai 55 pelajar terdiri dari UBD, UNISSA, UTB, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Politeknik Brunei, Kolej Antarabangsa Micronet, Kolej Perniagaan Laksamana dan Institut KEMUDA menyertai program ini.

"Saya amat teruja dengan maklumat teknologi yang boleh diperoleh daripada program ini. Sebagai pelajar Kejuruteraan Sistem Tenaga, saya menantikan idea untuk mengintegrasikan teknologi secara intensif seperti Artificial Intelligence (AI) ke dalam industri tenaga untuk meningkatkan potensi pasaran tenaga.

"Saya percaya program ini akan meningkatkan pandangan saya terhadap industri dan memperoleh pengetahuan yang mendalam," kata Lim Wee Lee pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Sistem Tenaga) dari Fakulti Teknologi Bersepadu (FIT), UBD.

"Alhamdulillah, saya amat berbesar hati kerana terpilih untuk menyertai Program Huawei Seeds for the Future. Seeds for the Future telah membolehkan ramai calon belia dari pelbagai budaya dan latar belakang mempelajari banyak topik penting seperti pendigitalan dan pengkomputeran.

"Saya berharap dengan menyertai program ini, saya bukan sahaja akan meneroka dan membuka diri kepada idea baharu sebagai seorang jurutera yang bercita-cita tinggi tetapi menggabungkannya dengan banyak faktor lain seperti penjagaan sosial, budaya dan kesihatan," ujar salah seorang lagi peserta, Muhammad Yusuf Ashraf Muhamad Yusran, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kejuruteraan Sistem Tenaga) di UBD.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Mencari rezeki yang halal

SETIAP individu memerlukan nafkah hidup bagi menyambung kehidupan seharian. Mencari nafkah adalah dituntut oleh Islam agar kita dapat meneruskan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Untuk mendapatkan nafkah yang halal hendaklah dengan pekerjaan yang dihalalkan atau diharuskan. Berusaha mencari yang halal itu merupakan suatu yang diwajibkan oleh syarak sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 88 yang mafhumnya : *"Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman".*

Dengan memakan makanan yang halal itu akan menambahkan cahaya pada hati serta melembutkannya. Selain itu, ia akan menimbulkan kegentaran dan kekhusyukan terhadap kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, mencergaskan seluruh anggota badan untuk beribadat dan melakukan ketaatan, mengurangkan kecenderungan hati kepada dunia dan menambah ingatan terhadap hari akhirat. Semua sifat tersebut akan menjadi sebab utama diterima amal salih dan terkabulnya doa. Imam at-Thabarani telah meriwayatkan dalam sebuah hadis bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah berkata kepada Sa'ad bin Abu Waqqash Radhiallahu 'anhu yang bermaksud : *"Pilihlah makanan yang halal, nescaya doamu dikabulkan".*

Pada zaman ini, tidak dinafikan manusia berlumba-lumba mencari rezeki untuk menampung kehidupan. Pelbagai usaha diatur untuk mendapatkannya, malah sebilangan orang ada yang berani melampaui batas-batas syarak dalam mencari rezeki daripada pekerjaan yang haram seperti mencuri, menipu, mengamalkan rasuah, memakan riba dan berjudi.

Risiko orang yang memakan harta yang diperolehi dengan cara yang haram telah diberi peringatan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sepertimana disebutkan dalam beberapa hadis Baginda, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Tidak akan memasuki syurga daging yang tumbuh daripada yang haram".*

Imam Ahmad meriwayatkan lagi yang bermaksud : *"Barang siapa yang mengumpul harta daripada jalan yang tidak halal, kelak apabila dia bersedekah dengan harta tersebut tidak akan diterima sedekahnya, dan jika dia membelanjakannya tidak akan diberkati perbelanjaannya dan jika ditinggalkannya sebagai harta pusaka, akan menjadikan harta itu sebagai kayu api yang kekal membakarnya di dalam neraka".*

Imam at-Thabarani pula meriwayatkan bahawa Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : *''Setiap daging yang tumbuh daripada yang haram, maka api neraka lebih utama menerimanya".*

Ada di antara kita yang merasa gelisah kerana tidak mendapat rezeki yang mencukupi untuk keperluan hidupan walhal dia telah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Perlulah diingat bahawa yang menganugerahkan rezeki kepada mereka yang dikehendaki-Nya adalah Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah dalam Surah Asy-Syura, ayat 19 yang mafhumnya : *"Allah Maha Lemah Lembut terhadap hamba-hamba-Nya, Dia mengurniakan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Dialah yang Maha Kuat lagi Maha Perkasa".*

Kita perlu sedar juga bahawa cukup atau tidak rezeki yang kita terima itu bukanlah diukur dengan kuantitinya semata-mta, tetapi yang penting ialah keberkatannya. Tanpa keberkatan ini rezeki yang banyak sekalipun manusia tidak akan merasa cukup dan puas. Dalam Islam terdapat beberapa sebab yang boleh mendatangkan rezeki yang luas jika kita mengamalkannya. Antara sebab-sebabnya adalah bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bertaubat dan beristighfar, bertawakal dan menghubungkan silaturahim.

Sebagai kesimpulan dan tidak diragukan lagi bahawa apa yang diterangkan dalam Al-Quran dan hadis bahawa bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bertawakal, beristighfar atau memohon ampun kepada-Nya dan menghubungkan silaturahim antara sesama manusia adalah antara penyebab seseorang hamba itu dikurniakan limpahan rezeki dan keberkatan-Nya. Maka sayugialah kita berusaha untuk beriltizam dengan perkara-perkara tersebut di atas kerana selain ia penyebab atau faktor yang boleh memperluaskan rezeki, amalan-amalan itu, ianya juga adalah amalan yang dituntut dan disukai Allah Subhanahu Wata'ala.

Sembahyang Menggunakan Sejadah Beraneka Corak Dan Warna

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SEJADAH ialah tikar sembahyang yang menjadi alas atau hamparan bagi orang yang bersembahyang. Selain itu, sejadah juga berperanan sebagai *sutrah* iaitu penanda atau pembatas tempat orang bersembahyang.

Pada kebiasaannya didapati pada sejadah itu dibuat dengan pelbagai corak dan ukiran seni Islam termasuk gambar-gambar seperti Ka'bah, Masjidil Haram, Masjid an-Nabawi, Masjid al-Aqsha dan lain-lain. Namun pada masa kini, banyak juga didapati sejadah selain mempunyai reka corak dan reka bentuk yang cantik, ia juga dihiasi dengan kombinasi beraneka warna yang lebih menarik pandangan dan perhatian orang kepadanya.

Berhubung dengan sejadah yang mempunyai reka bentuk dan corak dengan aneka warna ini, maka timbul persoalan mengenai kekhusyukan orang yang sembahyang menggunakan sejadah itu dan apakah pandangan syara' menggunakan sejadah tersebut?

Pada dasarnya, menggunakan sejadah sebagai alas atau hamparan untuk sembahyang hukumnya adalah harus berdasarkan perbuatan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam satu riwayat daripada Abu Sa'id al-Khudriy *Radhiallahu 'anhu* bahawa beliau pernah mendapati Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sedang sembahyang di atas tikar.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, riwayat Abu Sa'id al-Khudriy *Radhiallahu 'anhu* di atas menunjukkan bahawa adalah harus hukumnya sembahyang di atas sesuatu yang dihamparkan di atas bumi seperti pakaian, tikar, bulu ataupun sembahyang di atas sesuatu yang tumbuh dari bumi.

Menyentuh mengenai hukum sembahyang menggunakan sejadah bercorak dan beraneka warna, 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* telah menceritakan perkara ini dalam satu riwayat bahawasanya pada suatu ketika Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sembahyang dengan memakai *al-khamishah* (baju empat segi yang ada corak) yang dihadiahkan oleh Abu Jahm bin Hudzaifah *Radhiallahu 'anhu*. Ketika Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* sembahyang, Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah memandang kepada lambang pada baju tersebut. Setelah selesai sembahyang, Baginda bersabda kepada para sahabat Baginda yang hadir pada ketika itu :

Maksudnya : *Aku disibukkan oleh corak (pada al-khamishah) ini. Kamu pergilah dengan al-khamishah ini kepada Abu Jahm bin Hudzaifah dan kamu bawakan kepadaku baju yang tidak ada corak (anbijaniyyah), kerana sesungguhnya al-khamishah itu telah melalaikanku sebentar tadi dalam sembahyangku.*

(Hadits riwayat Muslim)

Mengenai hadits di atas, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebut :

Ertinya : *Maka (terkandung) dalamnya (hadits tersebut) galakan supaya menghadirkan hati (khusyuk) dalam sembahyang dan mentadabbur apa yang telah kami sebutkan (zikir-zikir, bacaan-bacaan dan sebagainya), menghalang pandangan daripada berterusan menatap kepada apa yang boleh menyibukkan (hati), membuang apa yang dibimbangi boleh menyibukkan hati, (hukum) makruh menghiasi dan mengukir mihrab masjid, dindingnya dan sebagainya daripada (apa-apa) yang menyibukkan (hati orang yang sembahyang) kerana Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam menjadikan 'illah (sebab) pada menyingkirkan al-khamishah kerana makna (tujuan) ini. Dalam (hadits) ini juga (menunjukkan hukum) bahawa sembahyang (tetap) sah sekalipun berlaku dalam sembahyangnya itu fikiran pada sesuatu yang menyibukkan dan seumpamanya daripada apa yang tidak ada kaitan dengan sembahyang. Dan ini adalah dengan ijma' para ulama fiqh.*

Imam al-Baghawi *Rahimahullah* dalam kitab Syarh as-Sunnah pula menjelaskan maksud hadits di atas sebagaimana katanya :

Ertinya : *Padanya (hadits tersebut) dalil tentang makruh mengukir tempat-tempat sembahyang, dan makruh sembahyang di atas tempat sembahyang yang diukir, dan padanya (hadits tersebut) juga (menunjukkan) bahawa siapa yang menatap tulisan / corak yang dilukis ketika dia sembahyang, tidak rosak (tidak batal) sembahyangnya. Dan yang demikian itu, sesungguhnya (Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam) tidak disibukkan oleh corak pada al-khamishah dari sembahyangnya sehinggalah Baginda menelitinya dengan memandang kepadanya, dan padanya (hadits tersebut) juga (menunjukkan) bahawa berfikir pada sesuatu adalah tidak membatalkan sembahyang.*

Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitab Fath al-Mu'in berkata :

Ertinya : *Dan oleh kerana itu dihukumkan makruh juga (sembahyang) pada sesuatu yang ada corak atau (sembahyang dengan menghadap) kepadanya atau (sembahyang) di atasnya (sebagai alas) kerana ia boleh mengganggu kekhusyukan.*

As-Sayyid Muhammad al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya Hasyiyah I'anah ath-Thalibin ketika mensyarah perkataan Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* sebagaimana di atas menjelaskan bahawa maksud perkataan "sembahyang pada sesuatu yang dicorak atau sembahyang dengan menghadap kepadanya atau sembahyang di atasnya" ialah memakai baju yang bercorak sama ada terdapat padanya gambar-gambar atau sebagainya, atau di hadapannya baju yang bercorak atau sembahyang di atasnya seperti sejadah.

Maka berdasarkan penjelasan ulama di atas, makruh sembahyang di atas sejadah yang bercorak kerana boleh menganggu kekhusyukan sembahyang, namun sembahyang menggunakan sejadah tersebut tetap sah.



Program Sua Muka Tingkatkan Hubungan Dua Hala

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

>> Muka 9

Selain itu, Penasihat HSSE Retail BSM, Awang Norasman bin Suleiman juga turut mengongsikan tujuan Kempen Isi Selamat Rasa Selamat adalah untuk mendidik dan memberikan kesedaran kepada orang ramai terutama kepada pelanggan yang datang ke stesen-stesen minyak agar dapat mematuhi langkah-langkah keselamatan yang perlu dipatuhi semasa berada di stesen minyak.

Sesi dialog turut disertai oleh para pegawai dari beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya.

Program Sua Muka atau Personal Contact dihasrat agar dapat meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan - rakyat dan rakyat - kerajaan serta membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim itu.

Turut hadir Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub; Ketua Kampung Ukong, Awang Muhammad Hakimi bin Abdullah Gampar; dan Pemangku Ketua Kampung Bukit dan Long Mayan, Awang Eddy Sufian bin Abdullah.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin, antara lain berkata dengan adanya Program Sua Muka seperti ini, selain dapat mengongsikan perkembangan dan kemajuan kampung-kampung, di bawah Mukim Ukong, sedikit sebanyak memberi nilai tambah dalam apa jua yang dibincangkan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan daripada Ahli-ahli Majlis Perunding Kampung yang hadir.

Program diteruskan dengan sesi lawatan, yang menyaksikan Pameran Galeri Warisan Kraftangan dari Majlis Perundingan Mukim Ukong.

Lebih 80 Mahasiswa UNISSA sertai Forum bagi Ekonomi Shariah

Berita dan Foto :
Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Selasa, 18 Oktober. - Seramai lebih daripada 80 Mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengikuti Forum bagi Ekonomi Shariah di antara UNISSA dan International Halal Trade Hub & Services (IHTHS), yang berlangsung di Dewan Serbaguna UNISSA, Sinaut, di sini.

Hadir, Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban UNISSA, Dr. Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, dikepalai oleh Awang Mohd. Aiman Haaziq bin Haji Sulaiman, diikuti dengan taklimat, disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, The Ali Hashim Corporation, Pengiran Subandi bin Pengiran Haji Kamis, bertajuk 'Realising The Halal Economy'.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan sesi forum, disampaikan oleh Pengiran Subandi; Kapten (B) Zailan bin Pehin Datu Kerma Setia Mejar Bersara Dato Seri Laila Jasa Mohd. Don; dan Penasihat Industri IHTHS, Awang Ramlee bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Zainuddin.

Juga hadir, Pensyarah-pensyarah serta Kakitangan dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA.

TIMBALAN Pengarah, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan semasa hadir pada Forum bagi Ekonomi Shariah di antara UNISSA dan International Halal Trade Hub & Services.

FORUM PMCA KE-4 PAMER TEKNIK PENGAJARAN UNIK

KETUA Unit Hal Ehwal Antarabangsa Kementerian Pendidikan, Pengiran Haji Ahmad Masudwardi Aidil-Fitri bin Pengiran Haji Mohamed Daud hadir bagi menyaksikan penstriman langsung Forum PMCA Ke-4 dari Bangkok, Thailand.

PENERIMA Anugerah Puteri Maha Chakri 2021 dari Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Mohd. Wahab bin Pengiran Haji Abdullah menyampaikan pembentangan Program Keusahawanan Sekolah sebagai salah seorang ahli panel.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Penerima Anugerah Puteri Maha Chakri (PMCA) Tahun 2021 dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Pengiran Haji Mohd. Wahab bin Pengiran Haji Abdullah mengongsikan mengenai 'Amalan Terbaik : Strategi Pengajaran dan Inovasi' dalam Sidang Pleno Kemahiran Hidup Teknikal Vokasional sebagai ahli panel dalam Forum PMCA Ke-4, di Bangkok, Thailand secara penstriman langsung.

Beliau merupakan Pembantu Instruktor Teknikal Kanan di Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kampus Sultan Saiful Rijal yang terpilih untuk menerima PMCA Ke-4.

PMCA merupakan anugerah yang diberikan kepada para pendidik yang berdedikasi tinggi dan mampu mengubah kehidupan pelajar, terutama pelajar yang kurang bernasib baik di negara-negara rantau Asia Tenggara ini, pada setiap dua tahun sekali, yang mula diadakan pada tahun 2015 lalu.

Majlis Pembukaan Rasmi Forum PMCA Ke-4 yang berlangsung di Centara Grand and Bangkok Convention Centre at Central World Bangkok, Thailand tersebut telah disempurnakan oleh Her Royal Highness Princess Maha Chakri Sirindhon.

Forum seumpamanya merupakan platform untuk semua penerima PMCA 2021 mempamerkan teknik pengajaran unik mereka, kisah-kisah inspirasi, kaedah pengurusan dan juga amalan terbaik kepada pendidik dan guru dari negara ASEAN dan sekitarnya, selain berfungsi sebagai platform rangkaian untuk guru-guru di rantau Asia Tenggara.

Hadir menyaksikan penstriman langsung majlis berkenaan ialah Pemangku Ketua Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Kementerian Pendidikan, Pengiran Haji Ahmad Masudwardi Aidil-Fitri bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Majlis berlangsung di bangunan Kedutaan Besar Kerajaan Thailand di NBD.

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan

GURU yang berkualiti adalah guru yang memenuhi keperluan pelajar dalam pelbagai aspek sama ada dari segi pengajaran dan pembelajaran, sahsiah, kemahiran, kepakaran dan pengurusan. Tidak dapat dinafikan bahawa guru memainkan peranan yang amat penting sebagai pemacu transformasi dan pendidik golongan muda generasi baharu supaya mereka dapat menjadi individu yang berfikiran rasional, inovatif, kreatif serta mempunyai daya tahan fizikal dan mental yang tinggi.

Oleh itu, amat penting bagi seorang guru memiliki sifat-sifat yang boleh dicontohi sebagai seorang guru berkualiti sesuai dengan tema Sambutan Hari Guru ke-32, iaitu 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'. Tema tersebut menghuraikan bahawa Negara Brunei Darussalam terus menumpukan ke arah merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan bagi mencapai matlamat-matlamat yang termaktub di dalamnya. Sektor pendidikan berperanan utama dalam menyumbangkan ke arah melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Dengan mengambil kira landskap dunia pekerjaan dan standard kehidupan yang kian berubah, sektor pendidikan yang sememangnya dinamik perlu melalui transformasi untuk terus relevan demi memastikan sistem pendidikan dapat menghasilkan sumber tenaga manusia yang dihasratkan negara.

Tulang belakang kepada usaha berkenaan adalah guru yang berkualiti kerana mereka mempunyai impak langsung terhadap anak-anak didik mereka di sekolah. Oleh yang demikian, mereka akan memiliki keupayaan untuk memacu dan memastikan transformasi negara dapat direalisasikan dengan efisien dan efektif. Dalam keadaan itu, negara dapat bersandar kepada guru yang berkualiti untuk menterjemahkan dasar dan inisiatif utama pendidikan di bilik-bilik darjah serta dalam kegiatan-kegiatan sekolah.

Akhir kata, segala jasa dan amal bakti seorang guru dan pendidik itu dalam menyampaikan ilmu yang bermanfaat kepada anak didiknya akan melayakkan dirinya mendapat ganjaran pahala yang sentiasa berterusan, meskipun setelah guru itu pergi menghadap Ilahi. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada para guru dan pendidik.

Nama: Muhammad Rahmat bin Roslan
No. K/P : 01-107XXX (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. **'Cintai dan Hargai Kehijauan Hutan'.** Tarikh Tutup **: 19 Oktober 2022**
2. **'Lazimi Zikir Dalam Kehidupan Seharian'.** Tarikh Tutup **: 26 Oktober 2022**
3. **'Kesihatan Mental Harus Diberi Perhatian'.** Tarikh Tutup **: 2 November 2022**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

TINGKAT PERSEFAHAMAN, PERASAAN KASIH SAYANG SESUAI TUNTUTAN ISLAM

KURSUS Pasca Perkahwinan menyasarkan seramai 25 peserta pasangan suami isteri yang berkahwin selama lebih tiga tahun, dihasrat untuk mengukuhkan kefahaman mengenai pentingnya institusi keluarga Islam dalam masyarakat (kiri dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Demi mengukuhkan kefahaman mengenai pentingnya institusi keluarga Islam dalam masyarakat, di samping meningkatkan kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab terhadap keluarga serta menyalurkan pengetahuan mengenai jalan atau saluran yang betul untuk mempertahankan hak dalam rumah tangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengendalikan Kursus Pasca Perkahwinan, dengan tema 'Iman Dikarihi, Keluarga Harmoni', yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah - Mahkamah Syariah, Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Kursus selama tiga hari tersebut, bermula hari ini, menyasarkan seramai 25 peserta pasangan suami isteri, yang berkahwin selama lebih tiga tahun.

Program juga mengetengahkan dua kertas kerja, bertajuk 'Kasih dan Masih', yang dibentangkan oleh Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor selaku Penceramah Undangan, dan 'Pengurusan Kewangan Keluarga', disampaikan oleh Ketua Unit Cawangan / Pemangku Penasihat Perancangan Persaraan, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Dayang Sri Nazrina binti Haji Johari.

Manakala, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Awang Mohd Faidzul bin Haji Wahab membentangkan tajuk, 'Akta Undang-Undang Keluarga Penggal 217', pada sebelah petangnya.

Setiausaha Bersama Kursus Pasca Perkahwinan, Awang Muhd. Hanif bin Haji Sha'ari ketika ditemui berkata, kursus berkenaan buat pertama kalinya, diadakan secara bersemuka pada tahun ini, setelah dilaksanakan secara maya pada tahun lepas akibat penularan wabak COVID-19.

"Kursus ini telah pun bermula sejak tahun 2012 dan sambutan daripada orang ramai amat menggalakkan, di mana kami telah menjalankan kursus ini di keempat-empat daerah.

"Mungkin terdapat kesulitan dalam menarik penyertaan suami isteri secara berpasangan. Walau bagaimanapun kami tetap menerima penyertaan secara persendirian kerana ia merupakan ilmu dan mereka dapat menyampaikan ilmu tersebut kepada pasangan mereka nanti," katanya.

Kursus tersebut dilaksanakan secara bersepadu, iaitu berkolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan yang lain, dalam sama-sama berkongsi dan menyampaikan maklumat dari segi hukum syarak, undang-undang yang berkaitan dengan kekeluargaan.

Sebanyak tujuh kertas kerja akan dibentangkan oleh fasilitator-fasilitator berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Kursus ini jua dihasrat dapat meningkatkan persefahaman dan perasaan kasih sayang di antara suami isteri sesuai dengan tuntutan Islam sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah An-Nisa, ayat 19, yang bermaksud *"Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik".*

Selain itu, kursus juga bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta dalam menjalin hubungan baik bersama agensi-agensi yang berkenaan.

DARI MAHKAMAH

Padah seleweng wang derma masjid

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Gara-gara menyeleweng wang dari peti derma masjid berjumlah BND60, seorang bekas Imam dipenjarakan tiga bulan oleh Mahkamah Majistret hari ini.

Haji Sufri bin Haji Mega, berusia 51 tahun membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan oleh Jurubahasa di hadapan Majistret Nur Eleana binti DP Haji Hairol Arni.

Defendan yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid, pada awalnya menafikan pertuduhan berkenaan dan didapati bersalah oleh Majistret Nur Eleana binti DP Haji Hairol Arni atas kesalahan pecah amanah dengan menyeleweng sejumlah BND60 dari peti derma masjid yang sebahagiannya diamanahkan kepadanya untuk mengira wang sedekah yang diberikan oleh jemaah masjid.

Menurut fakta kes, mahkamah juga mengambil kira rekod perwatakan baik defendan, memandangkan ia adalah kesalahan pertama kali dan mahkamah juga mengambil maklum bahawa defendan juga telah membuat bayaran balik penuh bagi jumlah yang diselewengkan.

Wang yang diselewengkan sejumlah BND60 walaupun kecil, namun defendan telah mengkhianati amanah yang diberikan oleh orang ramai terhadapnya, menurut mahkamah yang antara lain menekankan pelbagai faktor yang diambil kira semasa menjatuhkan hukuman.

Walau bagaimanapun, mahkamah menekankan hukuman perlu dijatuhkan ke atas defendan untuk dijadikan sebagai satu peringatan dan mengelak perbuatan mereka menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap Pegawai Masjid.

Kes Pendakwa Raya terhadap defendan dari awal lagi telah mendakwa defendan menyalahgunakan wang peti derma di Masjid Perpindahan Kampung Mata-Mata, Gadong pada 4 September 2020.

Pihak pendakwaan juga mengemukakan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang memperlihatkan perbuatan defendan sebagai bukti semasa perbicaraan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah 'Adzimah Mukarramah binti Haji Salleh.

PUJA - UTB ANJUR KURSUS REKA BENTUK

Siaran Akhbar dan Foto : PUJA Academy Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - PUJA Academy Sendirian Berhad dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB) menganjurkan kursus selama satu hari yang membawa tajuk 'Reinforced Concrete Design' (British Standards vs Eurocode), baru-baru ini.

Kursus ini memperlihatkan dan membandingkan proses Reka Bentuk Bertetulang (Reinforced Concrete Design) dengan menggunakan antara Standard British (British Standard) dan Eurocodes.

Ia bertujuan untuk kesedaran dan penyegaran kepada pereka bentuk dan pengamal dalam industri pembinaan, bagi membawa penggunaan piawaian terkini.

Hadir pada kursus tersebut ialah dari kalangan Ahli PUJA, pegawai-pegawai kerajaan serta profesional dari sektor swasta.

Objektif utama PUJA Academy adalah menganjurkan kursus sebegini untuk memberi peluang kepada profesional dalam industri untuk meneruskan perkembangan profesional mereka dan meningkatkan kemahiran mereka melalui 'Menggalakkan Kesedaran, Meningkatkan Pengetahuan dan Meningkatkan Pengalaman' tentang perkara utama yang berkaitan dengan industri.

PUJA Academy Sendirian Berhad dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB) menganjurkan kursus bertajuk 'Reinforced Concrete Design' (British Standards vs Eurocode).

Operasi Sejahtera kesan beberapa kesalahan

BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan Operasi Sejahtera 155 / 2022 di Kampung Beribi, Jerudong dan Jalan Katimahar bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan, 2009 dipatuhi oleh para majikan (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan Operasi Sejahtera 155 / 2022 di Kampung Beribi, Jerudong dan Jalan Katimahar pada 10 Oktober 2022, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan, 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan kedai runcit di kawasan Kampung Beribi telah mendapati sebanyak dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu membenarkan pekerja asing membuat pekerjaan lain daripada jawatan yang dibenarkan dan seorang pekerja tempatan tidak diberikan kontrak perkhidmatan.

Seterusnya, pemeriksaan ke atas kegiatan kedai runcit dan kedai makan di kawasan Kampung Jerudong mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu seorang pekerja bekerja dengan syarikat lain daripada majikan yang sah, seorang pekerja asing yang berjawatan pelayan melakukan pekerjaan memasak dan seorang pekerja asing bekerja di alamat lain daripada alamat yang dibenarkan.

Manakala pemeriksaan di kedai menjual sayur di kawasan Kampung Katimahar mendapati sebanyak satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan, 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu seorang pekerja tempatan tidak diberikan kontrak perkhidmatan.

Bagi kesemua kesalahan, jika sabit kesalahan, majikan asal dan majikan yang menggaji boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan, 2009.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

ALAI PINTAR

SOALAN 088

SOALAN 19 Oktober 2022, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Tahun bilakah Sultan Omar 'Ali Saifuddien III menunaikan Fardu Haji kali pertama?
   a) 1951
   b) 1952
   c) 1953
2. Berapa waktu sembahyang wajib?
   a) 6 waktu
   b) 7 waktu
   c) 5 waktu
3. Apakah kata seerti bagi "ijazah"?
   a) Buku
   b) Kertas
   c) Sijil

TARIKH TUTUP : 30 OKTOBER 2022

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8300836** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : .....
Tarikh Lahir : .....
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : .....
Sekolah : .....
Tahun : .....
Alamat : .....
.....
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : .....

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI **BND40.00**

PEMENANG ALAI PINTAR 087 :
Nama : Dk. Rubiatul Nurasyurah binti Pg. Md. Rashidi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0123713-01. Sekolah : Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Lambak Kanan

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 087
1. B – 30 September 1992
2. B – Menjayakan Wawasan Negara
3. B – Daerah Tutong

DIVISYEN PENGURUSAN KORPORAT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q20

Tajuk Sebut Harga :
Invitation to supply and delivery of A3 Printer and Scanner for Ministry of Development

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q21

Tajuk Sebut Harga :
Invitation to supply and delivery of APPLE Macbook and Accessories for Ministry of Development

Bilangan Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2022 / Q23

Tajuk Sebut Harga :
Invitation to supply, delivery, replacement, installation, configuration, testing and commissioning of UPS and Accessories for Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam

Bayaran Sebut Harga :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
Isnin, 17 Oktober 2022

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran :
Khamis,
27 Oktober 2022

Tarikh Tutup :
Isnin, 31 Oktober 2022
Jam : Sebelum 9.00 Pagi

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 23 / CQS / 2022 - T / II

Nama Projek :
PEMBINAAN STRUKTUR BAGI PELETAKAN ARCA NEGARA-NEGARA ASEAN DI TAMAN PERSIARAN DAMUAN

Kelas :
III

Kategori :
[B01 & KA01 - KOD BAHARU]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
1 November 2022

Tarikh Tutup Tawaran Pada :
Selasa, 15 November 2022
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
-

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 15 / 2022-2023

Tajuk Sebut Harga :
Membekal, Menghantar dan Menguji Perkakas dan Peralatan Bagi Makmal Sains Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1443H-1444H / 2021M-2022M

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
30 Rabiulawal 1444H /
26 Oktober 2022M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

PENGHULU MUKIM
TINGKAT III - PMKK.4
(BND3,880.00 - BND4,240.00)

BAGI

DAERAH TUTONG

Mukim Rambai

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah :
Sabtu,
19 November 2022,
jam 4.00 Petang

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian
+673 4222491.

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran :
22 / JPD / JKSH / 20222023

Tajuk Tawaran :
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN MESIN LAYAN DIRI (VENDING MACHINE) MAKANAN DAN MINUMAN BAGI JABATAN PENGANGKUTAN DARAT TERLETAK DI

i. IBU PEJABAT PENGANGKUTAN DARAT, GADONG
ii. KOMPLEKS LITAR MEMANDU, KG SG AKAR

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 12 / 2022

Nama Projek :
PAKEJ 5 - KERJA-KERJA PENGUKUHAN DAN PEMBAIKAN STRUKTUR JAMBATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas :
V / VI

Kategori :
KA01

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
12 Oktober 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Tidak lewat Selasa,
22 November 2022,
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
29 November 2022,
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0025 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'Upgrading Works Of The Main Water Intake Pipeline Supply System At Labi, Rampayoh Freshwater Farm Site'

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 3 November 2022,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

KETUA KAMPUNG TINGKAT I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

Atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

Atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

DAERAH TUTONG

1. Kampung Panchor, Mukim Pekan Tutong
2. Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok, Mukim Keriam
3. Kampung Birau dan Kebia, Mukim Kiudang
4. Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang
5. Kampung Kiudang dan Pad Nunok, Mukim Kiudang
6. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
7. Kampung Layong, Mukim Lamunin
8. Kampung Bukit Udal dan Penapar, Mukim Tanjong Maya
9. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 1, Mukim Telisai
10. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
11. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
12. Kampung Bukit dan Long Mayan, Mukim Ukong
13. Kampung Benutan, Mukim Rambai

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada :
Sabtu, 19 November 2022,
Jam 4.00 Petang

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian
+673 4222491.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran :
KK / 259 / 2022 / UPP (TC)

Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery Eye Consumables Items For Eye Center, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 260 / 2022 / UPP

Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery Of Medical Items Accessories For Wall Mounted CTG Machine) For Obstetric & Gynaecology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 261 / 2022 / JPK (TC)

Tajuk Tawaran :
Domestic Waste Collection And Disposal Services For Belait Health Office, Seria Health Centre And Belait Tuberculosis Co-Ordination Unit For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 262 / 2022 / JPK (TC)

Tajuk Tawaran :
Domestic Waste Collection And Disposal Services For Pengkalan Batu Health Centre And Gadong Health Centre For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 268 / 2022 / ESTETRIPASH

Tajuk Tawaran :
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Lifts And Dumbwaiters At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of One (1) Year

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 269 / 2022 / JPK (TC)

Tajuk Tawaran :
Clinical / Biohazard Waste Collection And Disposal Services For Jerudong Health Clinic, Maraburong Medical Clinic And Al-Islah Medical Clinic, Department Of Health Services For A Period Of Two (2) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 270 / 2022 / UPP (TC)

Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery Of 2.7mm / 3.5mm Locking Plates Implants For Orthopaedic Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 271 / 2022 / UPP (TC)

Tajuk Tawaran :
Supply And Delivery Of Implants Of Anterior Cruciate Ligament Reconstruction (ACL) System For Orthopaedic Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 273 / 2022 / HTD (TC)

Tajuk Tawaran :
The Provision Of Maintenance Services For Sterilizer Equipment For A Period Of Three (3) Years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 1 November 2022
Jam 2.00 Petang

MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 21 / 2015

BAIDURI FINANCE BERHAD
(Previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

ISMAIL BIN BASRI
(BPIC No. 30-083517)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **21 Mei 2015** telah **dibatalkan pada 15 September 2022.**

Nama Penghutang :
ISMAIL BIN BASRI

Alamat Penghutang :
No. 6, Simpang 11, Jalan Kalijiau, RPN Kampung Panaga Seria, KB4533, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
22 September 2022

KES NO. BCY / CP / 556 / 2012

BAIDURI BANK BERHAD
(Previously filed by HSBC Limited)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

DK HABIBAH BINTI PG HAJI APONG
(BYIC No. 00-000083)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **18 Mei 2013** telah **dibatalkan pada 15 September 2022.**

Nama Penghutang :
DK HABIBAH BINTI PG HAJI APONG

Alamat Penghutang :
No. 36, Simpang 148, Jalan 99, RPN Kampung Rimba, Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
22 September 2022

MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 469 / 2009

BAIDURI FINANCE BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

ERAWANA BINTI SALLEH
(BYIC No. 00-257467)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **14 Januari 2010** telah **dibatalkan pada 15 September 2022.**

Nama Penghutang :
ERAWANA BINTI SALLEH

Alamat Penghutang :
No. 32, Spg. 18, Jalan Nenas Paun, Katok 'B', Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
22 September 2022

KES NO. BCY / CP / 309 / 2009

BAIDURI FINANCE BERHAD
(Previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

AWANG HARUN BIN HAJI HUJAN / SIAJUAN
(BYIC No. 00-073230)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **30 Mac 2013** telah **dibatalkan pada 17 September 2022.**

Nama Penghutang :
AWANG HARUN BIN HAJI HUJAN / SIAJUAN

Alamat Penghutang :
Block 22-3A, Flat Kampung Rimba, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
22 September 2022

HAJAH NORMAZDINA BINTI HAJI MD. MASKUB
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 622 / 2009

BAIDURI FINANCE BERHAD
(Previously filed by HSBC Finance (B) Berhad)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

MUHAIMIN BIN AJI
(RBAF IC No. 292384)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **26 Mei 2011** telah **dibatalkan pada 17 September 2022.**

Nama Penghutang :
MUHAIMIN BIN AJI

Alamat Penghutang :
G15, Jalan Pejuang, Muara Kem BT1328, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
22 September 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 79 / 2012

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD
- Pemiutang / Pemetisyen

TAJUDDIN BIN HAJI SULAIMAN @ TINGGAK BIN AMUD
(Kad Pengenalan Brunei : 00-001860 - Kuning)
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 September 2022.**

Nama dan alamat Bankrap:
TAJUDDIN BIN HAJI SULAIMAN @ TINGGAK BIN AMUD
No. 339, Kg. Ratan Labi, Kuala Belait KE217, Lamunin Tutong, TE1943, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
7 Julai 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
20 September 2022

KES NO. BCY / CP / 51 / 2021

GENEVIEVE JACQUELINE
MARIE MERLET LAI
- Pemiutang / Pemetisyen

CLOVIS JOHN LAI SHIAK HIN
(Kad Pengenalan Brunei : 00-054474 - Kuning)

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 September 2022**.

Nama dan alamat Bankrap:
CLOVIS JOHN LAI SHIAK HIN
No. 7, Simpang 52-55-38-24, Jalan Mata-Mata, Gadong Bandar Seri Begawan, BE1718, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
13 Julai 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
22 September 2022

MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama

KES NO. BCY / CP / 261 / 2009

Nama Penghutang - Zalimah Binti Awang Tamit (BYIC No. 00-123357) - **Alamat -** No.142, Kg. Sinarubai, Jln. Bengkurong Masin BF2120, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 261 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 33.65%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Pertama **Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
26 September 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

KES NO. BCY / CP / 98 / 1997

Nama Penghutang - Pg Tejuddin bin Pg Said (BYIC No.: 00-046408). **Alamat -** No. 7, Perumahan Kg. Pandan, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 98 Tahun 1997. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 96.43%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
26 September 2022

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

KES NO. BCY / CP / 127 / 2007

Nama Penghutang - Siti Rozima Binti Norudin (BYIC No. 284597) - **Alamat -** No. 8, Spg. 363-29-20-4-5, RPN Kg. Pandan, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam, **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 127 Tahun 2007. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 27 September 2022. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
26 September

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

KES NO. BCY / CP / 109 / 2010

Nama Penghutang - Chong Boon Seng (BYIC No. 30-102992). **Alamat -** No. 13, Spg. 357-13-22, Taman Dato Haji Besar, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD2717, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 474 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 68%. **Pertama atau terakhir selainnya -** Ketiga **Bila Kena Dibayar - 27 September 2022. Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
26 September 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Penerima Rasmi,
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam

KES NO. BCY / CP / 59 / 2022

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

HAMDIAH BINTI ABDULLAH (BYIC No. 00-267918) - Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-3)**, Mahkamah Besar pada **24 Oktober 2022, jam 9.45 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **24 Oktober 2022, jam 9.45 pagi** di Mahkamah Besar**.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
24 September 2022

MOHAMMAD MARZUQI BIN SABTU
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 207 / 2021

BIBD AT-TAMWIL BERHAD - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

AK PUTERA MOHD HADY PG HJ YUNOS (BYIC No. 01-036431) - Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 Ogos 2021.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi **Tingkat 1, Bilik (R1-6)**, Mahkamah Besar pada **21 November 2022, jam 9.30 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **21 November 2022, jam 9.30 pagi** di Mahkamah Besar**.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberikuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
29 September 2022

NUUROR-RAHEEBAH BINTI HAJI ABD WAHAB
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 125 / 2022

BAIDURI BANK BERHAD - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

MOHAMAD YUSRIN BIN JAMBAL/JAMBUL (BYIC No. 01-070822) - Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 September 2022**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi **Tingkat 1, Bilik (R1-5)**, Mahkamah Besar pada **21 November 2022, jam 9.45 pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada **21 November 2022, jam 9.45 pagi** di Mahkamah Besar**.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
28 September 2022

NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 326 / 2019

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD - Pemiutang / Pemetisyen

PG MOHAMAD SAHEFFULDIN BIN PG HJ SERUJI (Kad Pengenalan Brunei : 00-266766 - Kuning) - Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 September 2022.**

Nama dan alamat Bankrap:
PG MOHAMAD SAHEFFULDIN BIN PG HJ SERUJI
No. 30, Spg. 114, Jalan Basong, STKRJ Lugu BG2921, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
26 Julai 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
27 September 2022

KES NO. BCY / CP / 101 / 2021

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD - Pemiutang / Pemetisyen

MOHAMMAD ARVIE SAWADI BIN UMAR (Kad Pengenalan Brunei : 00-279898 - Kuning)

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 September 2022**.

Nama dan alamat Bankrap:
MOHAMMAD ARVIE SAWADI BIN UMAR
No. 6, Simpang 150-6, Jalan 60, Kampung Perpindahan Rimba Gadong BE3319, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
10 September 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
26 September 2022

DK SITI NURSU'AIDAH BINTI PG JUFRIZAR @ PG TAJUDDIN
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 445 / 2018

BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD - Pemiutang / Pemetisyen

MOHAMAD FARREDI BIN MATYASSIN (Kad Pengenalan Brunei : 00-270665 - Kuning) - Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 September 2022.**

Nama dan alamat Bankrap:
MOHAMAD FARREDI BIN MATYASSIN
No. 7, Spg. 35-10-3, STKJ Kg. Mumong, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
2 September 2022

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
27 September 2022

HAJAH NORMAZDINA BINTI MD. MASKUB
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

PUPUK BAKAT DALAM PENYAMPAIAN SYARAHAN DENGAN BAIK

PENOLONG Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Syarahan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi anjuran UNISSA melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (bawah kanan dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Pelajar Tahun 3 daripada Fakulti Usuluddin, Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan muncul johan pada Pertandingan Syarahan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1444 Hijrah / 2022 Masihi dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA, baru-baru ini.

Manakala naib johan dimenangi oleh pelajar Tahun 2 daripada Fakulti Teknologi Islam, Awang Muhammad Firdaus bin Sait dan tempat ketiga pula diraih oleh pelajar Tahun 1 dari Pusat Penyelidikan dan Halalan Thayyiban, Dayang Nur 'Siti' Zirwatul Amal binti Mohammad Zulkifli.

Penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang disempurnakan oleh Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Ugama UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin Pengiran Matassan.

Pertandingan Syarahan yang bertemakan 'Bersabar, Berikhtiar, Berdoa dan Bertawakal Menghadapi Ujian : Meraih Syafaat Rasulullah' menampilkan tujuh peserta di kalangan pelajar mewakili fakulti / pusat akademik.

Majlis turut diserikan dengan persembahan tausyeh dari Kumpulan Firqatul Muhibbil Lahni yang terdiri daripada mahasiswa UNISSA dan telah mendapat tempat ketiga di dalam Pertandingan Tausyeh bagi Dewasa dan Belia Masjid Senegara Anjuran Bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Tahun 1444H / 2022M.

Tujuan pertandingan tersebut diadakan adalah bagi menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam di samping untuk memupuk bakat pelajar dalam penyampaian syarahan dengan baik dan berkualiti.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

JBP berikan bantuan timba air

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

TUTONG, Isnin 17 Oktober. - Seramai enam anggota Bomba, diketuai oleh DSO Abd Aziz dari Balai Bomba Lamunin Tutong, memberikan bantuan menimba air, di sebuah rumah kediaman, di Jalan Penapar, Kampung Ukong, di sini.

Sampai di tempat panggilan, didapati keseluruhan bilik tamu rumah tersebut dimasuki air sedalam 0.05M.

Ahli Bomba bertindak mengeluarkan air tersebut dengan menggunakan sebuah pam jenis *submersible pump.* Tidak ada korban jiwa dilaporkan.

Turut hadir, Pemangku Ketua Kampung Penapar / Bukit Udal Tutong, Awang Md. Azmi bin Yusof.

Dalam pada itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ingin menyarankan kepada orang ramai agar memastikan kediaman awda dilengkapi dengan peralatan keselamatan, iaitu Alat Pemadam Api, seperti Jenis Dry Powder, Selimut Api (Fire Blanket) atau Alat Pengesan Asap (Smoke Detector Battery Operated).

Selain turut memastikan pemasangan pendawaian dan peralatan elektrik di dalam kediaman dilaksanakan oleh pekerja yang bertauliah; Memastikan menutup (*Switch Off*) mana-mana suis peralatan elektrik selepas digunakan atau sebelum meninggalkan rumah; dan memastikan kediaman awda selamat dengan membuat pemeriksaan pada struktur rumah bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku

AHLI Bomba ketika mengeluarkan air sedalam 0.05M dengan menggunakan sebuah pam jenis *submersible pump* dari bilik tamu rumah tersebut (atas dan kiri).

JBP juga ada menyediakan program-program keselamatan, seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat tepat.

DAFTARKAN, CARUMKAN PEKERJA AWDA KE TAP, SCP

LAWATAN Operasi Sepadu adalah bagi memastikan majikan menjalankan tanggungjawab bagi pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja-pekerja tempatan ke Skim-skim TAP dan SCP.

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja (TAP)

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) dengan kerjasama beberapa agensi dari jabatan kerajaan mengadakan Lawatan Operasi Sepadu ke premis-premis perniagaan, di sekitar kawasan Gadong.

Antara objektif lawatan adalah bagi memastikan majikan menjalankan tanggungjawab bagi pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja-pekerja tempatan ke Skim-skim TAP dan SCP selaras dengan Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan (SCP), 2009.

Lawatan Operasi Sepadu ini juga melibatkan pelbagai agensi dari Jabatan Bandaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pengangkutan Darat dan Unit Sukatan dan Timbangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Pegawai-pegawai pemeriksa TAP memeriksa sebanyak 46 premis majikan dan didapati seramai lapan pekerja tempatan masih belum didaftarkan, di bawah Skim-skim TAP dan SCP.

Manakala, majikan yang gagal menunjukkan dokumen-dokumen yang diperlukan semasa lawatan telah diarahkan untuk membuat perjumpaan ke pejabat TAP bagi tindakan selanjutnya serta memastikan pekerja-pekerja tersebut didaftar dan dicarumkan.

TAP dengan ini ingin mengingatkan majikan mengenai tanggungjawab mereka untuk mendaftarkan dan membayar caruman pekerja-pekerja yang layak ke Skim TAP dan Skim SCP.

Pekerja tetap, pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari dan pekerja di dalam tempoh percubaan, yang terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat adalah wajib didaftarkan serta dicarumkan ke Skim TAP dan Skim SCP.

Di bawah Bab 26, Akta Amanah Pekerja, jika sabit kesalahan, majikan boleh didenda tidak kurang BND3,000 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih BND10,000 bagi kesalahan kedua serta seterusnya.

Pekerja yang ingin membuat sebarang aduan mengenai caruman yang tidak dibayar atau belum didaftarkan, bolehlah mengunjungi mana-mana Cawangan TAP yang berdekatan atau menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2382929, semasa waktu bekerja.

Bagi ahli yang telah berdaftar ke perkhidmatan *online* TAP, e-Amanah, aduan bolehlah dibuat dengan *log* masuk ke akaun ahli melalui Laman Sesawang TAP, di *www.tap.com.bn*.

Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan, di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan, di bawah kawalan BDCB, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai ini adalah tanpa prejudis pada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai, bahawa individu, syarikat atau entiti, yang dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi Oktober 2022 adalah btc_trading investment_brunei [IG Profile] [7278250] / Inv Bitcoin Brunei / Investment_bitcoin_brunei; dan CEX.IO.

Alert List BDCB yang dikemaskinikan boleh didapati di Laman Sesawang, BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan bersama institusi-institusi kewangan yang berlesen, seterusnya untuk berwaspada terhadap entiti atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan, di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang.

Orang ramai juga diingatkan, bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan bersama entiti, syarikat atau individu yang tidak di lesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB, di *www.bdcb.gov.bn* atau Instagram BDCB, *@centralbank.brune*i untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan serta kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB menerusi talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau melalui e-mel ke *fci@bdcb.gov.bn*.

Kenali Bahasa Brunei

Gagawi bermaksud alat daripada kayu dan lain-lain yang berbentuk seperti dayung dan digunakan untuk mengacau masakan nasi, lauk, dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : cuba kau uar nasi atu pakai ***gagawi***, masak kah inda sudah tu.

Mangalakari bermaksud mendustai atau membohongi.
Contoh pemakaian kata : jangan ***mangalakari*** indung ani, iatah mambarinya idup inda arkat.

Mangalimut bermaksud memburuk-burukkan atau mengata-ngatai orang lain di belakang; mengumpat.
Contoh pemakaian kata : tiap kali bajumpa, ***mangalimut*** urangtah ganya, badusa jua kali ah.

Manggaragas bermaksud melakukan sesuatu dengan tergesa-gesa, biasanya kerana kesuntukan masa, tidak sabar, dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : takut kaahiran, ***manggaragas*** ia mandi.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kampung Selera Kitani

KAMPUNG TAMOI TENGAH

Foto : Azmah Haji Ahad

Sayur Pisang Masak Lemak

BAHAN-BAHAN :

6 biji Pisang Sabah (mentah) dipotong kecil
Udang hidup
Sedikit belacan
5 biji bawang merah (diketuk)
5 ulas bawang putih (diketuk)
3 biji lada merah
Sedikit santan
Lada hidup merah dan hijau (untuk hiasan)
Perasa secukupnya

CARA MEMASAKNYA :

Tumis bahan yang diketuk sehingga naik bau dan masukkan udang.

Setelah itu masukkan sayur pisang dan ditambah dengan air sedikit.

Berikan perasa dan santan. Setelah naik minyak, tutup api dan sedia untuk dihidangkan.

MELESTARIKAN, MEMBUDAYAKAN BACAAN SELAWAT



Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Bahagian Media & Publisiti KKBT

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Oktober. - Jumlah selawat dalam aktiviti 'Lakastah Berselawat', yang disertai oleh ahli-ahli 'group WhatsApp' Komuniti Berselawat Brunei berjaya mengumpulkan lebih empat juta kali selawat.

Aktiviti berkenaan merupakan salah satu usaha untuk melestarikan dan membudayakan bacaan selawat dalam seharian dalam kalangan masyarakat Islam, di negara ini.

Sehubungan itu, Majlis Selawat dan Doa Munajat Muslimah, yang diungkayahkan menerusi Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi, dilaksanakan malam tadi secara maya.

Pembuka Majlis Bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, dipimpin oleh Ahli Biro Keagamaan KKBT, Dayang Hamizahtul Liyana binti Haji Hamdillah.

Seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Fath, ayat 1 - 3; Surah At-Taubah, ayat 128 - 129; dan Surah Al-Ahzab, ayat 56, dipimpin oleh Dayang Rezqiatul Fitriah binti Suharyono.

MAJLIS Selawat dan Doa Munajat Muslimah, yang diungkayahkan menerusi Program Brunei Darussalam Berselawat 1444 Hijrah / 2022 Masihi secara maya berkenaan.

Bacaan diteruskan dengan Selawat Ibrahimiyyah sebanyak tiga kali, dipimpin oleh Kumpulan Mawlid Az-Zahra Muslimah, Dayang Hamidahtul Labibah binti Haji Hamdillah.

Manakala bacaan diteruskan lagi dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah sebanyak lima kali, dipimpin oleh Kumpulan Husna Hurul Ain, Dayang Nurul Hafizah binti Sani.

Sementara bacaan Selawat Jibril sebanyak 50 kali, dipimpin oleh Kumpulan MahabbaturRasul, Dayang Nurul Hazirah binti Haji Jahari; dan Selawat Nuril Mubin dan Zikir Allahu Allah, dipimpin oleh Beliawanis Syababussalam, Dayang Rezqiatul Fitriah binti Suharyono.

Majlis diakhiri dengan bacaan Selawat Jazallahu 'Anna sebanyak empat kali serta Doa Munajat yang dibaca secara berkumpulan, dipimpin oleh Dayang Hamizahtul Liyana.

Pelaksanaan aktiviti turut dijayakan Bersama oleh Belia Masjid Syababussalam Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan; Kumpulan Mawlid Az-Zahraa Muslimah; Kumpulan Husna Hurul Ain; dan Kumpulan Mahabbaturrasul.

Program disertai oleh lebih 80 jemaah Muslimah, terdiri daripada berbagai peringkat masyarakat Islam, di negara ini.

Program Brunei Darussalam Berselawat akan diteruskan lagi dengan Majlis Selawat dan Doa Munajat, pada Isnin, 17 Oktober 2022, jam 8.15 malam, secara maya melalui aplikasi Zoom.

Majlis Selawat Perdana akan diadakan secara fizikal, pada Jumaat, 21 Oktober 2022, di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, jam 6.00 petang.

Untuk sebarang keterangan lanjut dan kemas kini mengenai program, boleh terus menghubungi Setiausaha program menerusi talian +673 7262357 atau melalui Media Sosial Instagram, *@kkbt_birokeagamaan.*

GAP sediakan pengetahuan, kemahiran, pengalaman tingkatkan kebolehpasaran graduan baharu

ANTARA perisian pada hari terbuka Program Perantisan Siswazah (GAP), yang diadakan di ibu pejabat Bank Baiduri (atas kiri, atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Baiduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Baiduri Bank menunjukkan komitmennya untuk membantu graduan baharu secara proaktif memulakan kerjaya mereka dengan mengadakan hari terbuka untuk Program Perantisan Siswazah (GAP), di ibu pejabat Bank Baiduri, baru-baru ini.

Lebih 200 orang menghadiri acara yang diadakan untuk memberi peluang kepada para pemohon yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program tersebut dan berkongsi pengalaman mereka bersama alumni.

Kumpulan perantis yang baru-baru ini menamatkan tempoh mereka dalam program bulan ini, bertanggungjawab mengurus acara dan aktiviti pada petang itu.

Pelbagai aktiviti taklimat dan pembentangan turut diadakan di Ruang Komuniti Baiduri oleh perantis yang terlibat dalam bidang fungsi utama, seperti Perbankan Korporat, Modal Baiduri dan Bahagian Maklumat dan Teknologi Kumpulan.

Mereka juga berkongsi pengalaman mereka tentang keseluruhan proses pemilihan.

Pembentangan tersebut memberikan pandangan berharga mengenai cara pemohon berpotensi menyediakan permohonan mereka dan penceramah juga berpeluang berkongsi pengalaman keseluruhan mereka menyertai program tersebut.

Pada awal tahun ini, sebanyak 300 permohonan diterima untuk kumpulan kedua program tersebut.

Selepas proses pemilihan yang ketat melibatkan penilaian bertulis dan temu duga, pihak bank mengalu-alukan seramai 15 perantis ke dalam program itu, pada April lalu.

Menekankan pendekatan yang lebih digital untuk pengambilan, proses pemilihan sepenuhnya dilakukan secara maya dan pemohon dinilai melalui persembahan video untuk menilai kreativiti serta kesediaan mereka untuk keluar dari zon selesa mereka.

GAP ialah program pembelajaran dan pembangunan holistik selama enam bulan, bertujuan untuk menyediakan graduan baharu dengan pengetahuan, kemahiran serta pengalaman yang diperlukan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja tempatan.

Turut hadir pada hari terbuka itu, Ketua Sumber Manusia dan Pentadbiran Kumpulan, Veronica Chong, yang mengadakan sesi ramah mesra sepanjang acara petang itu.

Beliau juga mengulas bagaimana GAP adalah bukti kukuh pada komitmen Kumpulan Bank untuk menyokong graduan baharu ini dengan membantu mereka membangunkan kemahiran kebolehpasaran dan minda pembelajaran.

Dia berkata, "Saya sangat berbangga dengan perantis kami dan apa yang mereka capai setakat ini dalam masa yang singkat. Mereka menunjukkan dengan jelas, bahawa mereka mampu mengetuai dan menganjurkan acara berskala besar seperti hari ini serta inilah sebenarnya program yang direka bentuk.

"Ia menawarkan peluang unik kepada graduan baharu ini untuk memperoleh pengalaman kerja yang berharga dan memberi mereka kedudukan yang lebih kukuh dalam pasaran kerja".

Beliau juga mengulas tentang bagaimana perantis datang dari pelbagai latar belakang untuk memberikan perspektif dan idea baharu pada program ini serta bagaimana kemahiran mereka boleh dipertingkatkan agar sesuai dengan industri kewangan apabila mereka menyertai GAP.

Beliau berkata, "Kumpulan kedua perantis datang daripada pelbagai latar belakang, dari Teknologi Maklumat, Perhubungan Awam dan Pemasaran kepada Geologi.

"Kami gembira kerana program ini dapat memupuk dan mengembangkan bakat dan kemahiran unik mereka, jadi mereka berkembang dengan cara mereka sendiri sambil membolehkan kami sebagai sebuah organisasi mendapat manfaat dari kepelbagaian perspektif".

Program tersebut terbuka kepada warganegara Brunei dan penduduk tetap yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh tiga tahun lepas, dengan kelayakan minimum Ijazah Sarjana Muda dan tanpa pengalaman kerja terdahulu.

Calon juga perlu mempunyai minat dan bakat yang pelbagai serta bersedia untuk belajar dalam persekitaran yang pantas.

Calon yang berminat untuk memohon program tersebut boleh menghantar maklumat peribadi terkini serta salinan sijil pendidikan tertinggi ke *talent@baiduri.com* dengan subjek 'Graduate Apprenticeship Programme Cycle 3'.

Permohonan dibuka, mulai hari ini, 17 Oktober 2022 hingga tarikh tutup, 6 November 2022.

Untuk maklumat lanjut tentang program dan peluang kerjaya dengan Kumpulan Bank Baiduri, sila ikuti Kumpulan Bank, di saluran media sosialnya atau layari, *www.baiduri.com.*

PELITA BRUNEI

Sistem Grid Elektrik berkemampuan untuk pengecasan EV

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

SISTEM Grid Elektrik ketika ini berkemampuan untuk menampung keperluan elektrik termasuk bagi tujuan pengecasan dalam menyokong penggunaan Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle - EV) di negara ini yang mencatat peningkatan dari segi permintaan.

Menurut Pegawai Ekonomi, Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Muhammad Rifdi bin Haji Sahari, "Sistem Grid Elektrik di negara ini pada masa ini adalah masih berkemampuan untuk menampung keperluan elektrik yang termasuk juga bagi tujuan pengecasan. Jawatankuasa Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle Joint Task Force - EVJTF) dengan kerjasama daripada pihak yang berkepentingan lainnya akan terus memastikan keperluan untuk menaiktaraf. Pada masa ini, Sistem Grid Elektrik negara yang sedia ada bagi menampung kapasiti yang dijangka akan meningkat hasil daripada peningkatan dalam permintaan atau *demand* untuk keperluan pengecasan. Di samping itu, EVJTF juga akan terus bekerjasama dengan pihak swasta mengenai dengan perkembangan terkini penggunaan teknologi yang berkaitan dengan sistem pengecasan terkini dan juga pembangunan stesen pengecasan kenderaan elektrik".

Stesen Pengecasan Pantas Runcit pertama

Bagi menyokong aspirasi negara untuk memenuhi matlamat tindakan iklim negara untuk mempunyai penyelesaian tenaga yang lebih bersih bagi pengangkutan tenaga secara mampan menjelang tahun 2035, Syarikat Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) komited untuk terus bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengenal pasti keperluan bagi memenuhi pertumbuhan pemilikan EV di negara ini. Justeru itu, Stesen Pengecasan Pantas Runcit pertama boleh didapati di Stesen Minyak IBA, Lambak yang mana ia telah dilancarkan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan Yang Mulia Timbalan Menteri Tenaga pada 30 September 2022.

Stesen Pengecas Pantas Runcit dengan menampilkan pengecas pantas Shell Recharge 175 kilowatt sejam yang biasanya boleh mengecas EV daripada 0 hingga 80 peratus dalam masa lebih kurang daripada 30 minit.

Berakas Power Company

Syarikat Berakas Power Company Sendirian Berhad (BPC) telah membuat pelaburan ke atas sebuah EV pada November tahun lepas, di mana objektif-objektif pelaburan berkenaan, selain daripada memberikan sokongan kepada Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam mengenai EV dan untuk memberikan publisiti terhadap penggunaan EV oleh BPC, adalah untuk memenuhi tanggungjawab korporat dan sosialnya bagi kemampanan dan persekitaran hijau dan bersih, untuk membuat penilaian ke atas kesesuaian kenderaan elektrik bagi kegunaan syarikat dan seterusnya mempertimbangkan untuk melancarkan penggunaan kenderaan elektrik kepada kumpulan kenderaan syarikat pada tahun-tahun akan datang berdasarkan kepada kesesuaian kenderaan elektrik yang tersedia di dalam pasaran nanti.

BPC bertanggungjawab membekalkan kuasa yang sangat *reliable* bagi kira-kira 40 peratus daripada permintaan kuasa di negara ini, termasuk sebahagian besar beban strategik dan kritikal di Daerah Brunei dan Muara. Fungsi utama BPC adalah untuk mengendalikan, menyelenggara dan membangunkan Sistem Kuasa Berakas yang terdiri daripada aset-aset penjanaan, penghantaran dan pengagihan dan juga untuk menyediakan Perkhidmatan Kejuruteraan, Reka Bentuk dan Pengurusan Projek untuk projek infrastruktur sistem kuasa di negara ini. BPC mempunyai dasar tiada toleransi terhadap kerosakan dan berusaha untuk mengekalkan piawaian industri terbaik dunia untuk operasi, penyelenggaraan, perkhidmatan kejuruteraan, pelaksanaan projek dan latihan utiliti kuasa. Amalan dan prosedur terbaik Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) diberikan keutamaan tertinggi dalam semua yang syarikat BPC lakukan. Untuk tujuan itu, BPC menggunakan tenaga kerja yang berpengalaman, pelbagai kemahiran dan bermotivasi tinggi, yang menjalankan sebahagian besar aktiviti dalaman.

Faedah penggunaan EV oleh BPC

Setelah menggunakan kenderaan elektrik berkenaan lebih 10 bulan dengan jarak perjalanan melebihi 7,000 kilometer pada masa ini, banyak faedah-faedah yang didapati. Di antaranya ialah pertama, EV tiada menghasilkan sebarang pelepasan, tiada pelepasan karbon dioksida. Kedua, tiada pencemaran bunyi. Kenderaan berkenaan menggunakan tenaga suria yang dihasilkan daripada panel-panel suria yang telah disediakan oleh BPC di atas bumbung ibu pejabat BPC serta bumbung struktur letak kereta.

Faedah yang lain termasuklah kos tenaga yang lebih rendah jika menggunakan tenaga elektrik daripada grid berbanding dengan kos tenaga bagi kenderaan motor petrol atau diesel, di mana penjimatan kos adalah sekitar 36 peratus. Penyelenggaraan juga berkurang kerana komponen motor elektrik adalah lebih sedikit daripada komponen enjin petrol atau diesel. Penyelenggaraan komponen brek juga berkurangan kerana 90 peratus daripada proses membrek adalah dilakukan oleh motor elektrik berkenaan. Terdapat juga brek regeneratif, di mana sebahagian daripada tenaga kinetik yang terhasil ditukar kepada tenaga elektrik dan menambah kuasa bateri. Bagi peminat kereta, anda boleh mendapat kuas (*torque*) dengan segera daripada bateri yang membolehkan pecutan atau acceleration yang lebih cepat dan faedah terakhir ialah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak ada mengenakan cukai jalan untuk kenderaan elektrik berkenaan selama dua tahun ujian rintis kenderaan elektrik ini berlangsung.

Pengecasan EV

EV dicaj menggunakan pengecas AC 3-pin yang dibekalkan bersama kenderaan berkenaan yang boleh disambungkan kepada soket elektrik biasa yang terdapat di mana-mana tempat seperti di rumah atau pejabat. Bagi kenderaan BPC, pengecas AC disambung kepada soket elektrik di mana tenaga diperolehi daripada tenaga suria yang memakan masa selama 17 jam untuk mengecas bateri sepenuhnya dari hampir kosong. Terdapat juga dua jenis pengecas di pasaran selain daripada pengecas AC 3-pin ini. Pertama ialah pengecas pantas AC yang boleh menurunkan separuh masa pengecasan. Pengecas pantas AC ini berharga sekitar BND2,000 hingga BND3,000 dan selalunya dipasang di rumah atau di mana kenderaan diletak semalaman. Kedua ialah pengecas pantas DC yang boleh mengecas bateri sehingga 80 peratus dalam masa kira-kira 30 minit. Pengecas pantas DC ini biasanya disediakan di stesen pengecasan awam. Pengecas yang dibekalkan oleh BPC dengan kenderaan adalah mencukupi buat masa ini.

Warisan

Penggunaan daun upih

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim, Ihsan Ah Chua Bangau, Norerliliyana Haji Eisa

NASI upih sememangnya salah satu menu yang sinonim dari Daerah Temburong dalam kalangan masyarakat Brunei. Istimewanya nasi tersebut ialah ia dibungkus menggunakan daun upih. Namun mungkin generasi baru tidak mengenali apa itu daun upih.

Upih merupakan sejenis daun iaitu pangkal pelepah daun pinang yang telah tua dan telah gugur ke bumi. Ia adalah bahagian pangkal pelepah yang mendakap batang pinang dan menampung keseluruhan daun pinang. Ia akan terus memegang daun pinang, sehingga menjadi tua dan sampai masa untuk jatuh.

Namun daun upih ini bukanlah mudah untuk diperoleh. Sedikitnya orang yang terdapat pohon pinang dalam masyarakat *kitani* membuatkan ia amat sukar diperoleh. Disebabkan itulah jua, nasi upih ini amat jarang dilihat, sehingga pelanggan yang berkehendakkan nasi ini perlu menempah lebih awal.

Upih berbentuk seakan-akan *gubang* (perahu). Ia berukuran lebih kurang empat kaki panjang x 2.5 kaki lebar. Warnanya kuning keperang-perangan atau perang kekuning-kuningan. Kedua-dua warna ini yang biasa didapati. Bahagian dalamnya berwarna putih dan mempunyai selaput semula jadi yang kalis air. Bahagian ini berfungsi seakan-akan plastik moden. Struktur upih adalah lembut dan agak fleksibel untuk dibentuk, namun ia juga liat.

Ia mempunyai aroma yang tersendiri, menyenangkan dan menyegarkan. Walaupun lembut namun ia juga kukuh.

Dengan saiznya yang agak besar, maka ia praktikal dan sesuai digunakan untuk membungkus makanan seperti nasi. Cara ini sememangnya lebih alami dibandingkan penggunaan kertas pembungkus makanan mahupun bekas plastik.

Bahagian dalamnya yang licin dan kalis air menjadikannya sesuai sebagai pembalut nasi. Nasi jadinya tidak melekit di bahagian dalam. Ada yang mengatakan upih boleh digunakan berulang kali untuk dua ke tiga bulan, sehingga lusuh.

Tidak semua bahagian akan dibuat upih pembalut. Pertama sekali, bahagian terbaik upih akan dipotong mengikut ukuran segi empat bujur - ukurannya antara tiga kaki panjang x dua kaki lebar. Selepas itu bahagian dalamnya akan dikopek dari bahagian luar, hanya bahagian ini yang akan digunakannya, seperti sebidang plastik pembalut yang lebar dan berguna sebagai pembalut. Ia sangat sesuai untuk menjadi pembalut nasi. Aroma nasi yang bercampur dengan aroma upih sangat menyelerakan.

Selain digunakan untuk membalut makanan, ada juga yang menjadikan daun upih ini sebagai permainan yang dinamakan Tarik Upih. Ia merupakan sejenis permainan kanak-kanak yang dimainkan oleh kanak-kanak di beberapa negara ASEAN. Pelepah yang luruh atau jatuh ke tanah, digunakan dengan membuang daun pinang dari pelepah itu dan dijadikan hulu atau tempat untuk menarik upih tersebut. Selain pelepah pinang, pelepah kelapa juga digunakan untuk permainan seperti ini.

Permainan ini dimain secara berkumpulan dan mesti dimain dengan dua orang atau lebih. Seorang mesti menjadi tukang tarik dan seorang lagi duduk di atas upih. Upih tersebut boleh dinaiki oleh seorang atau lebih, bergantung kepada saiz upih yang luruh itu. Biasanya yang lebih tua atau kuat akan menjadi penarik, sementara yang kecil menjadi penunggangnya. Semasa permainan ini berjalan, penunggang dilarang berdiri sama sekali.

Apabila ada pelepah pinang yang baru jatuh, kanak-kanak akan berlumba-lumba mengheret pelepah pinang itu. Batang pelepah ini dipotong separuh dan hasilnya menjadi seperti *kereta tarik*. Sepanjang permainan sememangnya halaman rumah akan menjadi riuh rendah.

Selain itu terdapat juga individu yang kreatif dengan membuat beberapa kraf tangan daripada daun upih seperti pasu bunga. Asal *bekarih* mencuba, ia juga boleh dijadikan benda lain memandangkan strukturnya yang lembut dan kukuh.

Begitulah kekayaan sumber alam yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk dimanfaatkan oleh manusia. Apa yang penting kita tahu membezakan sama ada sumber tersebut boleh digunakan atau tidak agar ia tidak memudaratkan apabila digunakan. Pengetahuan yang kita warisi dari nenek moyang ini patutlah kita hargai. Namun dengan terhadnya pokok pinang ketika ini dan kemudahan mendapatkan pembalut makanan diperbuat daripada kertas, membuatkan penggunaan daun upih menghadapi cabaran ketika ini.

PELITA BRUNEI

CHINA TURUT MAIN PERANAN PENTING DALAM KEDAMAIAN DAN PEMBANGUNAN

BEIJING, 18 Okt. - Pemimpin pelbagai negara dan pertubuhan antarabangsa masing-masing mengutus perutusan tahniah kepada Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China (PKC), Xi Jinping sempena perasmian Kongres Kebangsaan ke-20 PKC.

Jurucakap Kementerian Luar China, Wang Wenbin dalam sidang akhbar di Beijing pada Isnin berkata rata-rata pemimpin itu menyatakan Kongres Kebangsaan ke-20 PKC bakal menjadi penanda aras baharu bagi pembangunan China.

China dipercayai dapat merealisasikan kebangkitan gemilang nusa dan bangsa di bawah pimpinan Jawatankuasa Pusat Parti yang diterajui Presiden China Xi Jinping.

Menerusi perutusan tahniah itu, para pemimpin menyatakan China merupakan penyokong orde antarabangsa yang damai, selamat dan multilateral serta menjadi enjin ekonomi dunia.

Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) yang dianjurkan China telah menggalakkan kerjasama pelbagai negara yang saling menguntungkan dan para pemimpin berharap dapat memperkukuh persahabatan serta terus menjalinkan hubungan baik dengan China.

Wang Wenbin berkata China berpegang teguh kepada teras pembangunan damai dan komited untuk menyumbang kepada pembinaan hubungan antarabangsa baharu yang menekankan sikap saling menghormati, kesamarataan, keadilan, kolaborasi dan situasi sama menang.

"China giat menggalakkan pembinaan komuniti berkongsi nasib sesama insan, mendorong keamanan dunia dan pembangunan global serta memelihara orde antarabangsa," katanya.

Selain itu, beliau berkata China turut berkongsi pengalamanan dan pelan berkaitan penyelesaian isu antarabangsa yang penting sehingga mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

"Banyak tinjauan umum di dunia mendapati peranan China menerima rekasi positif masyarakat antarabangsa terutama dalam kalangan negara membangun," katanya

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres dilaporkan berkata : "China telah menjadi tonggak penting dan boleh dipercayai bagi menggalakkan kedamaian serta pembangunan dunia". - ©BERNAMA

Jerman lanjutkan operasi tiga loji kuasa nuklear

BERLIN, 18 Okt. - Canselor Jerman Olaf Scholz memutuskan untuk mengekalkan operasi tiga loji kuasa nuklear negara itu sehingga pertengahan April tahun depan bagi mengelak kemungkinan krisis tenaga, lapor Agensi Anadolu.

Beliau berkata asas undang-undang akan diwujudkan untuk membolehkan loji kuasa nuklear Isar II, Neckarwestheim II dan Emsland beroperasi selepas 31 Dis 2022 sehingga selewat-lewatnya 15 April 2023.

Canselor itu berkata demikian dalam surat yang diutuskan kepada Menteri Ekonomi Robert Habeck dan Menteri Alam Sekitar Steffi Lemke, kedua-duanya dari Parti Greens dan Menteri Kewangan Christian Lindner dari Free Democratic Party (FDP).

Sejak beberapa hari kebelakangan ini FDP dan Parti Greens sering bertelagah mengenai isu berapa lama tiga loji kuasa nuklear itu perlu beroperasi.

Pada kongres parti baru-baru ini, Greens memutuskan untuk menyokong operasi Isar II dan Neckarwestheim II dilanjutkan sehingga pertengahan April 2023 jika perlu.

Bulan lalu dilaporkan Jerman akan meneruskan rancangan untuk menutup loji nuklear menjelang akhir tahun ini tetapi bersedia mengaktifkannya semula andai berlaku kekurangan tenaga yang teruk.

Penutupan tiga loji itu secara rasmi akan menandakan berakhirnya penamatan fasa nuklear untuk pengeluaran tenaga domestik yang dimulakan di bawah bekas Canselor Angela Merkel. - ©BERNAMA

Ribuan hilang tempat tinggal akibat banjir di Australia

ANKARA, 17 Okt. - Beribu-ribu penduduk di Victoria, Australia hilang tempat tinggal akibat banjir yang berlarutan di negeri itu.

Ketua Menteri Victoria, Daniel Andrews mengesahkan seramai 11,000 mangsa telah memohon bantuan, lapor Agensi Anadolu, memetik ABC News.

"Insiden ini telah menjejaskan puluhan ribu orang," katanya.

Banjir itu turut menyebabkan rumah dan jalan raya rosak serta menjejaskan sistem kuasa di beberapa kawasan di negeri ini.

Menurut kerajaan negeri, lebih 10,000 kerja-kerja pembaikan jalan raya telah dilaksanakan manakala 359 jalan raya di negeri ini masih ditutup dan 1,860 kediaman terputus bekalan elektrik.

Kerajaan negeri juga mengumumkan peruntukan AUD$351 juta (US$218 juta) bagi membantu komuniti yang terjejas banjir dan AUD$165 juta (US$102 juta) akan dibelanjakan untuk kerja-kerja pembaikan jalan dan pembersihan.

Sementara itu, Perdana Menteri Anthony Albanese turut melawat kawasan yang terjejas di Victoria dan New South Wales.

Pada Ahad, Victoria melaporkan korban pertama akibat banjir membabitkan seorang lelaki berusia 71 tahun yang ditemukan mati di sebuah rumah di Rochester.

Tiga negeri iaitu Victoria, New South Wales dan Tasmania di bawah amaran banjir berikutan hujan lebat melanda kawasan tenggara minggu ini.

Krisis itu berlaku selepas banjir melanda pantai timur pada Mac dan April hingga mengorbankan lebih 20 nyawa. - ©BERNAMA

ASEAN dan Jepun capai kemajuan dalam kerjasama perkhidmatan udara

JAKARTA, 17 Okt. - ASEAN dan Jepun mencapai kemajuan dalam rundingan mengenai perkhidmatan udara pada Mesyuarat Menteri Pengangkutan ASEAN dan Jepun ke-20 (ATM+Jepun), iaitu sebahagian daripada sesi Mesyuarat Menteri Pengangkutan ASEAN ke-28 di Bali, Indonesia baru-baru ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong menerusi hantaran di Facebook pada Isnin berkata Mesyuarat ATM+Jepun hampir memuktamadkan Perjanjian Perkhidmatan Udara ASEAN-Jepun yang saling menguntungkan dengan tujuan untuk meningkatkan hubungan pengangkutan udara antara ASEAN dan Jepun.

Timbalan Menteri Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Jepun Shoji Nishida mengetuai delegasinya dan mempengerusikan bersama mesyuarat itu dengan Menteri Pengangkutan Indonesia, Budi Karya Sumadi.

Malaysia menawarkan untuk meneruskan latihan Sistem Trafik Kapal kepada negara anggota ASEAN di Institut Latihan Maritim di Pelabuhan Klang, Selangor, kata Wee.

Ditubuhkan pada 2017, institut berkenaan menjadi platform penting dalam membantu mengetengahkan kapasiti individu dalam menjamin keselamatan dan keamanan maritim di rantau ini.

Program latihan di bawah Pelan Kerja Perkongsian Pengangkutan ASEAN-Jepun 2022-2023 yang disokong kerajaan Jepun membantu rantau ini dalam kerjasama pengangkutan ke ASEAN sejak 20 tahun lalu.

"Usaha Jepun telah menghasilkan rangka kerja Keselamatan Penerbangan yang membolehkan ASEAN dan Jepun bekerjasama untuk menambah baik dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan dengan berkesan dalam dunia pasca COVID-19," kata Wee.

Mengenai keselamatan maritim, beliau berkata Jepun telah menghasilkan buku panduan mengenai amalan terbaik untuk keselamatan pelabuhan yang akan menjadi panduan berguna kepada pengendali pelabuhan dalam membina keupayaan mereka bagi memastikan keselamatan kemudahan dan operasi pelabuhan di rantau ini. - ©BERNAMA

Bandaraya New York dilanda masalah tikus

WASHINGTON, 18 Okt. - Jalan-jalan di New York, bandar raya paling ramai penduduk di Amerika Syarikat sedang bergelut dengan isu infestasi (serangan) tikus, memetik data terkini.

Serangan tikus meningkat 70 peratus berbanding tempoh sama dua tahun lalu, lapor Xinhua memetik rangkaian berita tempatan FOX 5.

Lebih 21,500 penampakan tikus dilaporkan antara 1 Jan dan 30 Sept tahun ini berbanding 18,601 untuk tempoh sama tahun lalu.

Sepanjang April, penduduk New York melaporkan melihat sekitar 7,400 tikus.

Menurut Fox 5, pada akhir bulan ini Majlis Bandaraya New York akan mengundi untuk pelan tindakan bagi mengatasi isu itu.

Pelan itu membabitkan kos kira-kira US$5 juta namun, menurut pakar dana itu tidak mencukupi.

Rekod menunjukkan kira-kira 300,000 penduduk New York telah berpindah dari bandar raya itu pada musim bunga 2020. - ©BERNAMA

1.4 juta golongan dewasa di Kanada alami simptom COVID-19 berpanjangan

OTTAWA, 18 Okt. - Kira-kira 1.4 juta golongan dewasa di Kanada dilaporkan mengalami simptom COVID-19 berpanjangan, memetik Statistik Kanada pada Isnin.

Kebanyakan mereka mengalami simptom sekurang-kurangnya tiga bulan selepas dijangkiti virus berkenaan, lapor Xinhua.

Menurut agensi statistik kebangsaan itu, dari segi peratusan kaum wanita didapati lebih ramai mengalami simptom COVID-19 berpanjangan berbanding lelaki.

Paling ramai didapati mengalami simptom keletihan diikuti batuk, sesak nafas dan brain fog. - ©BERNAMA

10 lagi orang awam terbunuh di Ukraine

KYIV, 17 Okt. - Sekurang-kurangnya 10 orang awam maut manakala dan 14 lagi cedera akibat serangan di beberapa wilayah di Ukraine, lapor Agensi Anadolu.

Timbalan ketua pejabat presiden Kyrylo Tymoshenko menerusi hantaran di Telegram pada Ahad mendakwa serangan Rusia menyasarkan wilayah Dnipro, Kharkiv, Zaporizhzhia, Donetsk dan Kherson.

Menurut Staf Am Ukraine, Rusia telah kehilangan 65,000 kakitangan, 2,529 kereta kebal dan 5,193 kenderaan perisai sejak Moscow melancarkan operasi ketenteraan ke atas Kyiv pada 24 Feb.

Pada 21 Sept, Menteri Pertahanan Rusia Sergey Shoygu mengumumkan 5,937 tentera Rusia maut akibat perang.

Sementara itu, Rusia mendakwa bahawa bangunan pentadbirannya di wilayah timur Donetsk diserang tentera Ukraine pagi Ahad.

Datuk Bandar Donetsk, Alexey Kulemzin menerusi hantaran di Telegram mendakwa tentera Ukraine melancarkan tiga peluru berpandu HIMARS (Sistem Roket Artileri Mobiliti Tinggi) di wilayah itu.

Seramai dua orang dilaporkan cedera dalam kejadian itu. - ©BERNAMA

Iran mula tapis minyak di Venezuela

TEHRAN, 17 Okt. - Menteri Petroleum Iran Javad Owji berkata pada Ahad Iran sudah memulakan proses menapis minyak mentahnya di Venezuela, lapor Xinhua memetik Agensi Berita SHANA.

Beliau berkata kira-kira 100,000 tong minyak mentah diproses sehari di kilang penapisan El Palito Venezuela.

"Ini impian 43 tahun dahulu yang direalisasikan melalui usaha rakan-rakan saya di Syarikat Penapisan dan Pengedaran Minyak Iran Kebangsaan (NIORDC)," katanya.

Ketua NIORDC Jalil Salari berkata usaha untuk mengembangkan projek penapisan Iran di luar negara sedang dilaksanakan.

Sementara itu, Iran turut menandatangani kontrak bernilai US$116 juta dengan firma minyak negara Venezuela PDVSA pada Mei untuk memulihkan dan mengembangkan operasi kilang penapisannya. - ©BERNAMA

PERLAWANAN PERSAHABATAN ERATKAN LAGI HUBUNGAN

PASUKAN Badminton Veteran Bengkurong Community pada sesi bergambar ramai pada Perlawanan Persahabatan Badminton bersama Pasukan Lagenda Awat-Awat, Lawas.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Oktober. - Dalam mengeratkan lagi hubungan silaturahim khususnya rakan-rakan yang berada di luar negara, baru-baru ini, Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC) mengadakan Perlawanan Persahabatan Badminton bersama dengan Pasukan Lagenda Awat-Awat, Lawas.

Perlawanan persahabatan tersebut menyaksikan Pasukan BVBC berkunjung ke negara jiran iaitu Sarawak bagi sama-sama menjayakan lagi perlawanan tersebut dalam suasana harmoni dan juga ceria.

Semasa perlawanan tersebut yang diadakan di Dewan Badminton Awat-Awat, Lawas, Sarawak, BVBC bersama dengan Pasukan Lagenda Awat-Awat mempamerkan perlawanan yang begitu mencabar dan harmoni.

Rombongan daripada Pasukan BVBC itu diketuai oleh Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Salleh dan perlawanan tersebut berakhir dengan sesi penyampaian cenderahati dan bergambar ramai menandakan perlawanan tersebut berjaya dilaksanakan bersama.

AKSE Bersatu terima tajaan jersi baharu

PEMANGKU Pengurus Am, Nurul Izzati Naqibah binti Zaidi selaku wakil menyerahkan tajaan berupa jersi baharu daripada HiTune Group of Companies selaku penaja utama kepada Presiden AKSE Bersatu, Haji Fadillah bin Haji Samat dan Timbalan Presiden, Haji Hairul Haimi bin Haji Usop.

Siaran Akhbar dan Foto : AKSE Bersatu Management

GADONG, Ahad, 16 Oktober. - Pasukan bola sepak AKSE Bersatu merupakan salah sebuah pasukan yang menyertai kejohanan Liga Daerah Brunei Muara dan Piala FA Brunei pada tahun ini.

Pasukan berkenaan hari ini menerima tajaan berupa jersi baharu daripada HiTune Group of Companies selaku penaja utama yang diserahkan oleh wakilnya, Pemangku Pengurus Am, Nurul Izzati Naqibah binti Zaidi kepada Presiden AKSE Bersatu, Haji Fadillah bin Haji Samat dan Timbalan Presiden, Haji Hairul Haimi bin Haji Usop.

Penyerahan sumbangan yang berlangsung di Pejabat HiTune Group of Companies itu turut disaksikan oleh ahli jawatankuasa Pengurusan Pasukan AKSE Bersatu.

Antara objektif utama tajaan berkenaan adalah sebagai menyuntik semangat dan menghargai penglibatan AKSE Bersatu di dalam mengetengahkan Kampung Setia sebagai salah sebuah kampung yang mampu memberikan saingan di arena bola sepak tempatan.

Dengan adanya sumbangan yang diberikan berkenaan, diharapkan para pemain AKSE Bersatu akan dapat memberikan komitmen yang sepenuhnya dan menanamkan semangat kesukanan yang tinggi dalam mendukung usaha negara ke arah pembangunan sukan bola sepak tanah air.



PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

TINGKAT KESEDARAN GAYA HIDUP SIHAT DI TEMPAT KERJA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Oktober. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE), Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - perkhidmatan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum mengadakan Pembukaan Aktiviti Senaman bagi Program Workplace and Health (WAH), hari ini.

Aktiviti senaman bagi program WAH berkenaan berlangsung di kawasan letak kereta, Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan bermula jam 4.30 petang hingga 5.30 petang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Program WAH berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, meluaskan pengetahuan serta kecekapan mengenai gaya hidup sihat dan menekankan kepentingan tindakan bersepadu dalam mengesan, serta mencegah dan menangani pelbagai faktor risiko pelbagai penyakit tidak berjangkit khususnya di tempat kerja.

KEMENTERIAN Pendidikan melalui Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum mengadakan Pembukaan Aktiviti Senaman bagi Program Workplace and Health (WAH). Hadir menyertai aktiviti senaman bagi program WAH, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 30 sesi aktiviti senaman akan dijalankan secara berjadual di semua cawangan daerah yang akan diketuai oleh ketua-ketua jabatan dari Kementerian Pendidikan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum serta pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan.

Piala Malaysia: NSFC optimis beri tentangan sengit

SEREMBAN, 18 Okt. - Negeri Sembilan FC (NSFC) berada dalam momentum prestasi terbaik untuk melakar kejayaan pada saingan Piala Malaysia musim ini, kata pengendali pasukan itu K.Devan.

Beliau berkata ia susulan prestasi konsisten skuad sepanjang saingan Liga Super musim ini dengan menduduki tempat keempat terbaik liga.

"Setelah tamat Liga Super, pasukan (NSFC) menduduki tempat keempat, ini sudah tentu menaikkan semangat pasukan untuk tampil lebih kompetitif pada saingan Piala Malaysia kali ini, saya yakin prestasi pasukan bertambah baik.

"Piala Malaysia ada sejarah tersendiri, ia juga pertandingan akhir pada musim ini, semangat pasukan lebih berbeza. Pasukan perlu melalui proses permainan dan pemulihan yang baik supaya prestasi berada pada tahap terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara NSFC dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Kampus UiTM Seremban hari ini.

Turut hadir Tunku Besar Tampin yang juga Presiden Persatuan Bolasepak Negeri Sembilan Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus Al-Qadri.

Terdahulu, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan Prof Dr Yamin Yassin berkata kerjasama fakulti tersebut dan NSFC melibatkan perkongsian maklumat, kepakaran dalam sukan bola sepak bagi tujuan memudahkan penyelidikan melalui aktiviti rundingan kerjasama dan konsultasi.

Sementara itu, ketua pasukan Mohamad Zaquan Adha Abd Razak berkata saingan Piala Malaysia lebih mencabar dan semua pasukan akan menampilkan prestasi lebih sengit pada setiap perlawanan.

"Secara peribadi saya suka saingan Piala Malaysia kerana suasana persaingan berbeza, edisi kali ini ada perlawanan timbal balik, jadi berkelebihan untuk NSFC apabila beraksi di tempat sendiri.

"Walaupun sekarang ini musim hujan, ia tidak menjadi masalah kepada pasukan kerana saya rasa semua pemain suka beraksi dalam hujan, apa juga keadaan cuaca kita kena teruskan saingan dan skuad juga sudah terbiasa beraksi di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi dengan padang yang basah," katanya.

NSFC dijadual bertemu Kedah pada 26 Okt ini di Stadium Darul Aman, Alor Setar, pada perlawanan pertama Piala Malaysia musim ini. - ©BERNAMA

Stadium AFC bakal dibina di Putrajaya

KUALA LUMPUR, 18 Okt. - Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) dengan kerjasama Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) akan membina sebuah stadium canggih berkapasiti 10,000 penonton dinamakan Stadium AFC di Putrajaya.

Menurut makluman AFC dalam laman rasminya hari ini, stadium berkenaan bakal dibangunkan di tapak seluas 6.172 hektar, kira-kira 30 kilometer dari Ibu Pejabat AFC di Bukit Jalil, dan dilengkapi dengan grandstand, kawasan boulevard dan atrium untuk penonton, pejabat pentadbiran dan tempat letak kereta bawah tanah.

Keluasan lantai stadium kira-kira 580,000 kaki persegi dengan kapasiti tempat duduk 10,000 dan akan mempunyai padang bola sepak berkualiti tinggi mengikut piawaian FIFA.

Antara beberapa ciri lain lain, stadium tersebut juga menyediakan kafeteria, ruangan media dan bilik pengulas media serta tarikan air pancut yang akan dibina di pintu masuk stadium.

AFC berkata dana untuk membangunkan stadium itu akan dijana daripada peruntukan FIFA di bawah Program FIFA Forward untuk meneruskan misi AFC memperkasakan bola sepak negara ahli persatuan (MA) dan persatuan serantau (RA).

Persatuan Bolaepak Malaysia (FAM) dan kerajaan Malaysia pula bertanggungjawab menyediakan tapak stadium dan sokongan logistik kepada projek tersebut, kata AFC.

Presiden AFC, Shaikh Salman Ebrahim Al Khalifa, yakin bahawa Stadium AFC baharu itu akan membuka lembaran baharu kepada MA dan RA untuk mencapai mutu bola sepak yang lebih tinggi dalam dekad akan datang.

"Ibu pejabat AFC di sini menjadi lokasi penting pembangunan melalui pelbagai latihan, kursus, bengkel dan seminar dalam bidang teknikal dan pengadilan dan kini dengan adanya Stadium AFC, kami mempunyai potensi untuk melakukan lebih banyak lagi.

"Bagi pihak keluarga bola sepak Asia, saya harus berterima kasih kepada FIFA atas kesediaan mereka untuk melakar era baharu kemajuan bersama AFC dan juga kerajaan Malaysia atas dedikasi terhadap pembangunan bola sepak di Asia, bukan sahaja melalui projek ini tetapi juga kerana sokongan yang telah diberikan sejak beberapa dekad," kata Shaikh Salman.

Sementara itu, Presiden FIFA, Gianni Infantino, yang menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif AFC ke-11 di Putrajaya semalam, berkata projek tersebut adalah pelaburan penting untuk bola sepak Asia.

"Ia adalah projek yang hebat dan saya sangat berbangga dan gembira kerana kami bekerjasama melalui stadium AFC dan FIFA ini yang melambangkan satu langkah baharu yang sangat penting bagi seluruh rantau Asia," katanya. - ©BERNAMA